


**Jilid I
Bil. 16**



**Hari Rabu
23hb Julai, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1601]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975)
[Ruangan 1632]**

UCAPAN TANGGUHAN:

Peruntukan Rumah/Kedai Perniagaan kepada Bumiputra [Ruangan 1679]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 23hb Julai 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DR LIM AH SIT, P.I.S. (Johor).

- Yang Berhormat DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- ” TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- ” CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” TAN SRI DATUK LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- ” TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- ” DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- ” TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- ” DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD S.J.M.K. D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TUNJUK PERASAAN PELAJAR- PELAJAR

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan biasiswa-biasiswa yang telah ditarik-balik dari siswa-siswa kerana mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan penuntut-penuntut dalam bulan Disember yang lalu dengan memberikan angka sehingga 30-6-75.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Universiti yang menerima biasiswa yang terlibat dalam tunjuk-tunjuk perasaan dalam bulan Disember tahun lalu bukanlah terdiri dari pelajar-pelajar Kementerian Pelajaran sahaja, tetapi juga pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan lain-lain. Pelajar-pelajar yang terlibat ini melanggar syarat-syarat Perjanjian Biasiswa mereka, maka pihak-pihak berkuasa penghadiah itu mengambil tindakan atas pelajar-pelajar masing-masing atas pelanggaran syarat ini. Dengan demikian, saya tidaklah dapat memberi bilangan biasiswa yang telah ditarik-balik berikutan dengan tindakan pihak berkuasa itu.

Namun demikian saya suka memaklumkan bahawa bilangan pemegang-pemegang biasiswa/dermasiswa Kementerian Pelajaran yang terlibat dalam demonstrasi-demonstrasi ini adalah 86 orang. Mereka ini dipinta menunjukkan sebab-sebab kenapa Perjanjian Biasiswa mereka tidak patut ditamatkan, dan kemudian ditemuduga oleh sebuah Lembaga yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran untuk menimbangkan sebab-sebab yang dikemukakan oleh pelajar-pelajar itu. Sekiranya seseorang pelajar itu didapati tidak terlibat secara sirius maka biasiswanya akan diberi balik setelah pelajar itu menandatangani suatu Pengakuan kepada Kerajaan. Temuduga-temuduga Kementerian Pelajaran akan tamat dalam bulan ini, maka bilangan biasiswa-biasiswa yang akan ditarik-balik belumah diketahui lagi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah diterangkan berkenaan dengan bagaimana penuntut-penuntut yang terlibat dibuang daripada universiti. Saya hendak bertanya iaitu penuntut-penuntut yang terlibat, kalau saya tidak salah, penuntut-penuntut yang mengadakan demonstrasi boleh dikatakan 80% yang dapat ditangkap barangkali cuma 86 orang sahaja seperti yang dikatakan tadi. Adakah yang 86 orang ini sahaja yang akan dibuang ataupun dibicarakan dan yang lain tidak? Adakah perkara ini adil atau tidak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan 86 orang ini kita dapat tahu daripada siasatan-siasatan dan juga maklumat-maklumat dari pihak-pihak yang berkenaan. Samada perkara ini adil atau tidak, tentulah kita sebagai pihak yang berkuasa adalah bertanggungjawab menimbangkan perkara ini. Oleh sebab itulah Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah Lembaga Temuduga untuk menyiasat dan juga kalau sebab-sebab yang diberikan oleh penuntut-penuntut yang terlibat itu tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Biasiswa. Lembaga Temuduga ini akan menimbang kes-kes mereka dengan adilnya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Adakah Kementerian ini bercadang untuk membuat satu peraturan baharu yang lebih ketat bagi memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar serta mahasiswa-mahasiswa kita supaya mereka tidak melanggar beberapa peraturan yang diketatkan itu dan supaya mereka dapat menumpukan perhatiannya kepada pelajaran yang dihadapinya sahaja? Adakah Kementerian ini bercadang hendak membuat satu peraturan yang lebih ketat daripada yang sudah-sudah?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu kita akan menimbangkan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkata bahawa penuntut-penuntut yang difikirkan mengambil peranan yang dipandang serious sahaja yang akan diambil tindakan. Siapakah menentukan istilah serious itu? Adakah Menteri Pelajaran ataupun Jawatan-kuasa yang akan menemuduga murid-murid

yang akan menentukan istilah serious itu? Serious itu istilahnya bagaimana dan siapa menentukan istilah serious itu Menteri ataupun Jawatankuasa yang temuduga penuntut-penuntut itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Temuduga yang menetapkan keputusan itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana tindakan terhadap mahasiswa yang tidak mendapat biasiswa yang terlibat, apakah tindakan Kerajaan atau Kementerian ini akan ambil?

Tuan Chan Siang Sun: Penuntut-penuntut yang tidak terlibat dalam perkara ini tentulah pihak universiti-universiti akan mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu pihak yang terlibat yang menerima biasiswa dan hendak ditarik balik biasiswa kerana dia terlibat. Bagaimana mereka yang terlibat yang tidak mendapat biasiswa, apa tindakan kepada orang yang seperti ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tentulah selepas mahkamah yang akan membicarakan mereka, jikalau mereka benar terlibat dan kena hukuman, pihak universiti akan mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masalah mahkamah. Apa yang saya hendak bertanya masalah pelajar di universiti. Mereka ini setelah disiasat dan diperiksa didapati ada di antara mereka yang terlibat. Ertinya, ia ada campur tangan. Tetapi dia tidak dapat ditangkap dan tidak dapat dibawa ke mahkamah, tetapi dia terlibat dalam tunjuk perasaan itu, sedangkan tindakan hendak diambil hanya kepada orang yang telah mendapat biasiswa, biasiswanya ditarik. Kalau pelajar itu tidak diberi biasiswa, mereka membayar sendiri. Tindakan apakah yang akan diambil terhadap orang seperti itu, adakah dikeluarkan atau dihalau daripada universiti atau tidak dibenar menjadi mahasiswa atau bagaimana?

Tuan Chan Siang Sun: Itu soalan lain.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila bercakap berkenaan dengan biasiswa, saya terpaksa bercakap satu perkara. Saya dimaklumkan bahawa ada penuntut-penuntut di setengah-setengah maktab dan universiti terlalu lambat dapat duit biasiswa ini sehingga dua tiga bulan mengakibatkan penuntut-penuntut yang miskin terpaksa meminjam duit. Adakah perkara ini benar? Kalau benar apakah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soalan tambahan itu tidak bersangkutan-paut dengan soalan asal.

PERLAKSANAAN PROJEK PERBADANAN AWAM/PERBADANAN EKONOMI NEGERI

2. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah projek yang diusahakan oleh Kerajaan Pusat atau ejensi Kerajaan termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri yang telah gagal dalam Rancangan Malaysia Kedua. Nyatakan punca kegagalan itu. Apa langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada rancangan-rancangan Kerajaan yang boleh dikatakan telah gagal keseluruhannya dalam Rancangan Malaysia Kedua. Walau bagaimanapun, ada beberapa rancangan yang terlambat siapnya kerana keadaan yang diluar jangka dan diluar kuasa Kerajaan menentukannya. Misalnya, rancangan pembinaan Leboh Raya Timur-Barat (East-West Highway) telah terlewat sedikit kerana kegiatan pihak pengganas kominis seperti yang telah Ahli Yang Berhormat sendiri membaca dalam akhbar-akhbar.

Mengenai projek-projek Perbadanan-perbadanan Awam termasuk Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri (SEDC) projek-projek ini adalah di dalam peringkat pelaksanaan yang mana memerlukan jangkamasa yang panjang bagi melaksanakan dengan sepenuhnya. Pada lazimnya projek-projek yang dijalankan oleh pihak-pihak swasta dan Perbadanan-perbadanan Awam termasuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi

Negeri mengalami sedikit kerugian pada peringkat permulaan. Oleh itu, adalah masih agak awal lagi bagi kita menentukan samada projek-projek Perbadanan-perbadanan Awam termasuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri gagal ataupun tidak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi perjalanan projek-projek Perbadanan-perbadanan Awam ini untuk menentukan projek-projek ini tidak mengalami kegagalan dan seterusnya mencapai matlamat Kerajaan dengan sepenuhnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada Perdana Menteri, saya ingin membuat satu soalan tambahan iaitu walaupun tidak gagal, tetapi lewat daripada yang dijadualkan. Berpunca daripada kelewatan ini, adakah dengan sebab pihak Perbendaharaan tidak dapat memberikan kewangan kepada rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh badan-badan yang tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya itu soalan lain. Tetapi saya mengambil peluang berkata di sini yang sebenarnya bukanlah kerana itu, kerana perkara yang diluar jangka dan yang Kerajaan kita tidak dapat mengawalinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri tahu iaitu ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri membuat joint-venture dengan pihak-pihak swasta di dalam tiap-tiap negeri? Kita tidak mahu misalnya, apabila tanah dibuka 10,000 ekar, swasta akan dapat 5,000 ekar manakala 5,000 ekar lagi kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri. Kalau ada kegagalan maka tentu sekali Kementerian ataupun Menteri juga bertanggung-jawab atas hal ini. Adakah sedar atau tidak?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tolong ulang soalan itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang membuat joint-venture tanah dengan swasta-swasta. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telah joint-venture dengan

swasta dan pula apabila sudah dapat dikelolakan oleh swasta dan Kerajaan Negeri mengeluarkan duit banyak maka dibahagi dua. Jadi tujuan asal untuk memberi tanah kepada rakyat, tetapi swasta yang dapat. Jadi kalau gagal pula, Kerajaan yang rugi dan wang yang begitu banyak akan binasa. Wang ini adalah pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Jika ada perkara-perkara ini berlaku, adakah Timbalan Menteri tahu atas perkara ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itupun saya rasa soalnya terkeluar daripada soalan asal, tetapi saya mengambil peluang berkata di sini gagal saya rasa tidak ada sepanjang pengetahuan saya. Tetapi ada joint venture ini yang mengalami kerugian, tetapi gagal seterusnya belum ada pada fikiran saya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata setengah-setengah daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah mengalami kerugian. Ini dapat diakui oleh Kerajaan Pusat. Apakah langkah telah diambil oleh Kerajaan Pusat supaya kerugian itu tidak terus-menerus dihadapi oleh Perbadanan-perbadanan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Kerajaan sentiasa mengawasi daripada satu masa ke satu masa supaya masalah yang dihadapi oleh projek-projek yang mengalami Kerugian ini dapat diatasi dan tindakan untuk mengatasi masalah ini seperti menentukan pengurusan projek-projek itu dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman (experienced) ataupun yang mahir, dan dari satu masa ke satu masa kajian-kajian akan dibuat tentang masalah-masalah yang dihadapi dengan bertujuan untuk mengatasinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bukan projek itu gagal, tetapi kerana kerugian. Jadi atas kerugian itu, saya hendak bertanya, iaitu kerugian-kerugian ini boleh jadi disebabkan Kementerian-kementerian ataupun pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab maka satu-satu projek itu rugi dan adakah rakyat jelata yang masuk dalam sekim itu akan membayar kepada Kerajaan Negeri di atas kerugian-kerugian itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain—definitely it is a different question.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan yang serupa yang saya hendak kemukakan.

Pertama, saya hendak tahu bahawa pada kami di Trengganu yang disifatkan gagal itu berhubungan dengan rancangan projek kompleks kayu-kayan di Dungun yang diusahakan oleh Prebadanan Negeri Trengganu yang telah dirancang dari semenjak 4 tahun yang lalu, tetapi sampai hari ini belum lagi timbul. Adakah ini sebagai satu kegagalan atau bagaimana? Dan apa sebabnya kalau itu disifatkan sebagai kegagalan?

Yang kedua, rancangan projek garam juga diusahakan oleh Perbadanan Negeri Trengganu yang dahulu telah diistiharkan untuk mengeluarkan hasilnya dalam bulan Julai, 1974, tetapi sampai bulan Julai 1975 belum lagi mengeluarkan hasil, apakah sebabnya?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini saya berkehendakkan notis, disebabkan ianya berkenaan dengan Negeri Trengganu. Tetapi satu sahaja yang saya ada contoh di sini sekarang ini, iaitu syarikat yang mengalami kerugian di Trengganu itu ialah Syarikat Babena.

LORI-LORI MELEBIHI HAD LAJU

3. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa lori-lori yang penuh dengan barang-barang atau kayu balak dipandu melebihi had laju 35 b.s.j.; dan
- (b) samada Kementerian bercadangan menyemak undang-undang had laju untuk membenarkan lori-lori dipandu dengan had laju 50 b.s.j. memandangkan sangkaan orangramai bahawa Kerajaan atau Polis cuai di dalam mengawasi lori-lori yang melebihi had laju dan jika tidak apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian supaya pemandu-pemandu mematuhi had laju.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa ada setengah-setengah lori-lori serta jua kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang lain dipandu melebihi had laju yang dibenarkan baginya;
- (b) Kementerian saya, walau bagaimanapun tidak bercadang hendak membenarkan kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam dipandu lebih laju lagi dari had laju yang ada sekarang dinaikkan lagi, katalah kepada 50 b.s.j. seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana tidak ada jaminan yang pemandu-pemandu itu tidak akan melebihi had laju 50 b.s.j. lagi dan cadangan ini juga mungkin meninggikan angka kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh lari laju atau kemalangan-kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Dalam hal ini, adalah diakui mustahil bagi pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan dapat mengawasi 100% had lari laju yang telah menyebabkan timbulnya sangkaan tidak baik terhadap mereka. Oleh itu, semenjak tahun 1966, sebagai satu langkah berlakunya mencegah kemalangan jalanraya, Kerajaan telah menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas melapurkan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap kecuaiannya dan kesalahan pemandu kenderaan-kenderaan perusahaan dan perkhidmatan awam supaya tindakan dapat diambil terhadap pemandu-pemandu yang membuat salah itu.

Sementara itu pihak Polis juga telah mempergiatkan usaha untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya terutamanya yang bersabit dengan kenderaan lari deras itu. Dalam tahun 1974, 10 buah alat radar untuk serkap lari deras telah dibekalkan kepada Polis Trafik di seluruh Semenanjung Malaysia, 11 Unit Mobile Highway telah ditubuhkan menjadikan 2 unit bagi tiap-tiap negeri dan keanggotaan Polis Cawangan Trafik di bandar-bandar membangun juga telah ditambahkan.

Berikut adalah angk-angka tindakan yang telah diambil oleh Polis terhadap kenderaan-kenderaan lari deras di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tahun 1973 ...	15,757 kejadian
Tahun 1974 ...	14,135 kejadian
Tahun 1975 ...	4,561 kejadian

(hingga bulan Mei)

Mereka yang bersalah adalah disaman dan dibawa ke mahkamah.

Di samping itu juga Majlis Keselamatan Jalanraya di Kementerian saya akan terus memperhebatkan kempen keselamatan jalanraya untuk memberi kesedaran kepada semua pengguna-pengguna jalanraya terutama kepada pemandu-pemandu kenderaan perusahaan dan perkhidmatan awam.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana barangkali samada disiasat atau tidak oleh Kementerian yang bertanggungjawab iaitu kenderaan-kenderaan yang berat seperti lori-lori yang mana lori-lori driver ini dia mendapat duit dengan membawa lori beberapa kali trip, kalau dia bawa 10 trips, dia akan mendapat duit yang banyak lagi. Jadi disebabkan hendak duit ini, dia lari laju dengan tidak pedulikan polis atau siapa pun, saman atau tidak saman dia tidak kira. Dengan sebab itu, adakah Kementerian yang bertanggungjawab bercadang supaya kejadian ini tidak berlaku lagi? Samada polis ada menjaganya, perkara ini akan terus-menerus berlaku walaupun dibawa ke mahkamah. Ada atau tidak cadangan seperti sebelum perang dahulu diseal had laju kalau 50 b.s.j. setakat itu sahaja tidak boleh lari laju.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu memang Kementerian saya juga sedar akan amalan perniagaan itu dan dari semasa ke semasa pegawai-pegawai Kementerian saya telah menggalakkan pihak peniaga-peniaga yang menjalankan amalan itu supaya amalan itu dikurangkan, kalau boleh. Tetapi kita mesti faham juga bahawa amalan itu adalah satu amalan private ataupun tidak dikontrol oleh Kerajaan. Saya suka mengambil kesempatan ini juga melalui Dewan ini merayu pihak majikan dalam perniagaan swasta itu supaya amalan itu dikurangkan seboleh-bolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang telah ditimbulkan berkenaan dengan diseal supaya kenderaan berat itu dihadkan lajunya. Konsep inipun telah ditimbulkan juga kepada Kementerian saya tetapi setakat ini mengikut pegawai-pegawai di Kementerian bahawa ini tidaklah praktik dari segi penguatkuasaan.

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Lain-lain negeri dalam dunia ada memakai governor dalam carburetor, dan 2-3 buah negeri itu pula ada undang-undangnya. Jadi adakah Kementerian kita boleh memikirkan di bawah undang-undang yang mana governor tidak boleh lari laju dengan had laju seperti yang dilimitkan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini lebih kurang sama juga dengan cadangan tadi mengenai seal had laju bagi kenderaan-kenderaan terkawal. Tetapi walau bagaimanapun saya akan bawa cadangan ini kepada Kementerian saya dan barangkali kita akan kaji dengan lebih lanjut lagi kalau boleh dipraktikkan dalam negara kita ini, kita akan ambil tindakan.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Berkenaan dengan kelajuan lori ini, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi hukuman yang lebih berat ataupun digantung lesen selama 2 ataupun 3 tahun?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hukuman di bawah peruntukan Undang-undang Lalulintas kita memang sedia ada, tetapi sesuatu hukuman itu mestilah seimbang dengan seriousness sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Lalulintas itu.

Setakat ini Kementerian saya menganggap hukuman-hukuman yang sedia ada untuk kenderaan-kenderaan yang lari deras adalah mencukupi.

KEKURANGAN GURU-GURU

4. Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar akan kekurangan guru-guru di negara ini dan di antara guru-guru yang ada ialah guru-guru sementara; dan

(b) samada beliau sedar akan kekurangan guru-guru Sains dan Ugama di negara ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar akan kekurangan guru-guru di negara ini di dalam bidang-bidang tertentu, termasuk matapelajaran sains dan ugama. Walau bagaimanapun Kementerian saya berikhtiar sedaya-upaya untuk mengatasi kekurangan guru-guru ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sekarang sedang menjalankan "Crash Programme" bagi menambahkan bilangan guru-guru pelatih dari tahun ke setahun dengan mengadakan pusat-pusat latihan guru sementara dan pembinaan maktab-maktab baru dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga.

Rancangan untuk menambah guru-guru pelatih ini cuma akan berjaya jikalau pihak Kementerian mendapat kerjasama daripada semua pihak. Jika ada halangan daripada pihak lain berkenaan dengan tempat-tempat latihan guru ini akan diadakan, maka kekurangan guru-guru akan kekal dan mungkin akan bertambah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal kekurangan guru-guru sains memang betul tetapi soal kekurangan guru-guru ugama di sekolah-sekolah saya ingat tidak berapa betul dan tidak berapa tepat, oleh kerana yang diajar di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah ialah hendak tahu siapa dia Tuhan. *Alif-ba-ta* pun tidak diajar, Qur'an pun tidak diajar macam mana hendakkan guru lulus melangit, macam mana boleh dikatakan tidak boleh dapat guru ugama. Jadi saya hendak tahu, boleh atau tidak mendapatkan guru-guru ugama ini dengan seberapa ramai dan dengan secepat mungkin oleh kerana guru-guru ugama ini penting di sekolah-sekolah untuk orang-orang Islam.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang yang beragama Islam, tetapi sungguhpun begitu saya pun tahu sedikit tentang perkara ini.

Berkenaan dengan hal guru-guru ugama di sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan sebenarnya kita tidak ada kekurangan, tetapi kadang-kadang saya menganggap ada kekurangan guru-guru ugama itu oleh kerana

barangkali ada mereka hendak berkhidmat di yayasan-yayasan ugama dan juga Jabatan Perdana Menteri kita dan lain-lain badan juga yang berkehendakkan guru-guru ugama untuk berkhidmat dalam badan-badan itu. Apabila ada seseorang guru ugama yang meletakkan jawatan beliau itu tentulah guru-guru besar akan melapurkan perkara itu kepada Kementerian dan barulah kita memilih guru-guru ugama itu, jadi, barangkali langkah ini mengambil masa sedikit. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan mengatasi perkara-perkara itu dan kalau ada apa-apa perkara yang seperti itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat melapurkan perkara itu dengan secepat mungkin kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian pelajaran tentulah akan mengambil tindakan dengan secepat mungkin.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan crash programme dan beliau meminta jangan ada halangan. Saya hendak meminta penjelasan sahaja, apa ertinya crash programme yang hendak dijalankan dan apakah maksud halangan yang ada?

Tuan Chan Siang Sun: Crash programme ini, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita dapat tahu; kalau mengikut banci dari Kementerian Pelajaran iaitu sehingga tahun 1980 negara kita Malaysia yang dikasihi ini berkehendakkan guru-guru terlatih sekurang-kurangnya 40,000 orang. Jadi, sebab-sebabnya ialah oleh kerana ada guru-guru yang tua yang bersara yang meletakkan jawatan memasuki perniagaan dan sebagainya. Jadi dalam tempoh 5 tahun ini kita berkehendakkan 40,000 orang guru-guru yang terlatih. Jadi, inilah satu daripada sebabnya kita mesti menjalankan satu crash programme supaya kita dapat mengatasi perkara kekurangan guru-guru itu dan kita tahu jugalah kalau kita hendak menjalankan satu programme, lebih-lebih lagi crash programme, kita mesti mengadakan kemudahan-kemudahan.

Kemudahan yang pertama ialah bangunan atau accomodation untuk membuat latihan itu dan halangan yang kedua seperti pen-syarah-pensyarah yang tidak mencukupi dan yang ketiga dalam masa cuti kita mengadakan kursus untuk guru-guru lain dalam Perkhidmatan Pelajaran sekarang. Jadi, inilah sebab-sebabnya yang menghalang crash programme. Walau bagaimanapun, kita ada

langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini iaitu kita sudah ada rancangan yang dirancangkan oleh Bahagian Latihan Guru-guru dalam Kementerian saya iaitu untuk langkah yang pertama kita akan mengambil 4 buah sekolah iaitu di Kuantan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kangar, Perlis untuk dijadikan sebagai pusat-pusat latihan—itu peringkat yang pertama.

Langkah yang kedua, kita akan membina bangunan-bangunan tambahan di Maktab-maktab Perguruan yang sedia ada seperti di Johor Bahru, Melaka, Kota Bharu dan Kuala Lumpur untuk mengambil dan melatih guru-guru untuk immediate need bagi mengatasi perkara kekurangan guru-guru ini. Pada pagi ini kita dapat tahu melalui surat-khabar *Berita Harian* dan lain-lain surat-khabar juga iaitu Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sudah membuat rayuan kepada pihak-pihak, khususnya kepada Persatuan-persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru dan juga kepada Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah supaya dapat bekerjasama. Kalau ada satu keadaan yang mana kita hendak mengambil-alih sekolah itu untuk dijadikan pusat-pusat latihan bagi guru-guru, kita berharap dapat kerjasama, jangan cuma mengeluarkan sentimen atau menentang perkara ini. Kalau kita tidak dapat kerjasama seperti itu, saya fikir rancangan kita tentulah tidak dapat dijalankan, lebih-lebih lagi rancangan ini adalah rancangan crash programme. Saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan dan juga meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga kalau ada satu-satu keadaan yang mana kita berkehendakkan membuat atau mengambil-alih sesebuah sekolah untuk dijadikan pusat latihan guru-guru atau pusat latihan untuk guru-guru itu, saya berharap kita dapat diberikan nasihat supaya perkara itu tidak menimbulkan apa-apa keadaan yang serious, oleh kerana kalau kita mahu anak-anak kita dapat pelajaran yang baik daripada guru-guru kita, kita mestilah mengadakan satu programme atau satu langkah yang mana kita boleh dapat guru-guru yang terlatih, maka barulah anak-anak kita boleh dapat pelajaran yang sempurna. Itulah jawapan yang saya dapat berikan kepada soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Berkenaan dengan soalan saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengambil sekolah-sekolah yang hendak dijadikan tempat latihan guru, saya

tidak akan hendak bertanya soalan ini melainkan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membangkitkan masalaah ini. Jadi, saya hendak bertanya termasuklah yang beliau mengatakan tadi iaitu Kuala Lumpur. Jadi, Kuala Lumpur ini nampaknya telah menjadi kehebohan sekarang ini, sebab hendak mengambil Sekolah Jalan Raja Muda itu akan dijadikan pusat latihan guru-guru dalam Crash Program ini. Sekolah Jalan Raja Muda itu ialah sekolah Melayu yang tertua sekali dalam Negeri Selangor ini, kalau tidak salah saya, dan telah timbul satu masalaah bahawa kalau diambil tempat yang seperti itu dijadikan tempat latihan guru yang pertama sekali akan merendahkan imej sekolah itu sendiri oleh kerana sekolah itu telah berkhidmat untuk keliling kampung sebab dia berhampiran dengan Kampung Baru. Kita takut ini menjadikan sebagai suatu kempen terhadap Kerajaan yang cuba hendak menghapuskan sekolah-sekolah kebangsaan yang seperti itu. Saya cuba hendak menimbulkan masalaah ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian telah berfikir implikasinya kalau sekolah itu diambil dan adakah itu menasabah kepada latihan guru di tempat itu dengan kiri-kanan jalan, tempatnya sempit, bising, berhadapan dengan Kampung Melayu. Maklumlah nanti boleh jadi guru-guru latihan itu ada lelaki ada perempuan, jadi di hadapan itu orang-orang Melayu menengok guru-guru itu begitu dan begini, timbul macam-macam masalaah. Adakah Kementerian telah memikirkan apa akibatnya? Jadi, sekarang ini kalau sekiranya itu benar, di Kuala Lumpur ini banyak tempat, adakah Kerajaan atau Kementerian ini bercadang untuk hendak menukar ke tempat yang lebih menasabah daripada menjatuhkan sesuatu tempat itu bagi pihak kita dan bagi pihak Kerajaan juga.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi jikalau pengambilan sekolah tidak dapat sambutan yang baik dan kerjasama, saya fikir tentulah kita tidak memaksakan pengambilan sekolah itu. Tetapi seperti saya kata mula-mula tadi kita mesti menimbangankan keutamaan atau kepentingan yang mana kita berharap dapat mempercepatkan Crash Programme ini. Jadi, kita mesti menimbangankan kepentingan perkara besar atau kecil ini. Walau bagaimanapun, kalau ada sekolah-sekolah yang tidak menyambut baik pengambilan ini tentulah

Kementerian saya akan menimbangkan rayuan-rayuan atau perkara-perkara yang kita memang tahu boleh menimbangkan peransang yang tidak baik kita akan meninggalkan perkara seperti itu. Tetapi walau bagaimanapun, kalau kita mahu Crash Programme ini dijalankan dengan baik dan cepat, kita mestilah mengambil langkah dan satu langkah saya suka memberitahu Dewan ini barangkali ambil masa panjang sedikit. Bagaimanapun saya fikir ini boleh memberikan sedikit maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat—langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran iaitu kita ada mengambil langkah dan dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya iaitu kita akan menambah bangunan-bangunan yang baru dengan menggunakan bahan-bahan pembinaan menggunakan kayu-kayan untuk membuat bangunan baru itu. Barangkali ini satu langkah kita dapat menggunakan lebih banyak kayu-kayan di dalam negara ini dan ini satu daripada cara kita boleh menjimatkan wang kita, dan bangunan papan inipun sejuk, guru-guru boleh berlatih dalam satu keadaan yang baik, fikiran pun waras, tenang dan barangkali kita boleh mengeluarkan lebih banyak guru-guru yang cukup mendapat pelajaran tinggi. Jadi inilah satu daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran.

Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berkenaan dengan Guru-guru Ugama yang mana saya dapat tahu tiap-tiap sekolah menengah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mencukupi, tetapi saya rasa tidak mencukupi kerana tiap-tiap sekolah menengah kalau murid-murid itu ada 1,000 orang hanya dua orang sahaja. Guru Ugama. Bolehkah mencukupi dua orang Guru Ugama? Soalan ini yang saya berkehendakan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan. Saya harap kalau boleh 1,000 orang itu kita lantikan Guru Ugama itu empat orang baru dapat mencukupi yang mana sekarang kita melaung-laungkan ugama Islam itu ugama rasmi dan ugama itulah kita patut menanamkan kepada pihak anak-anak kita. Saya dapat tahu kalau sekolah rendah Kelas 1, Kelas 11 tidak dapat belajar ugama langsung kerana guru tidak mencukupi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya?

PUSAT PENGAJIAN TINGGI— MELANJUTKAN PELAJARAN

5. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan tempat di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara ini, yang mana hanya 13% sahaja dari pemohon-pemohon tahun ini telah diterima masuk ke pusat-pusat tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan calon-calon memohon masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini adalah melebihi dari tempat yang diadakan dan kedudukan ini berlaku pada tiap-tiap tahun. Keadaan ini adalah keadaan biasa bagi mana-mana negara. Oleh sebab itu sungguhpun bilangan tempat yang ditawarkan bertambah dari tahun ke setahun namun ianya tidak dapat menampung kesemua calon-calon. Walau bagaimanapun, di samping itu Kerajaan juga mengadakan pusat-pusat latihan yang bercorak vokesyenal dan teknikal yang khusus bagi sesuatu lapangan pekerjaan, untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Selain daripada itu, calon-calon ini boleh mendapat tempat di universiti-universiti di seberang laut.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tadi perkara biasa bagi satu-satu negara itu kekurangan tempat pengajian tinggi. Apa yang saya hendak soal adakah Kementerian yang berkenaan memikirkan untuk menambahkan lagi pusat-pusat pengajian tinggi bagi menampung murid-murid yang tidak ada tempat itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya buat masa sekarang kita tidak ada apa-apa rancangan untuk membuat atau menambah pusat-pusat pengajian tinggi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata sudah tahu banyak penuntut yang berminat untuk masuk ke universiti. Kalau sudah tahu banyak mengapa tidak masukkan dalam

Budget peruntukan yang banyak supaya dapat membina universiti-universiti untuk menampung penuntut-penuntut pada hari yang akan datang. Adakah dimasukkan dalam Budget pada masa yang akan datang atau tidak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi iaitu ini adalah satu keadaan yang biasa dalam mana-mana negara, khususnya untuk negara-negara yang pesat membangun. Sebaliknya, kita mesti ingat juga mengikut banci universiti-universiti kita cuma boleh mengambil calon-calon yang memasuki universiti-universiti itu dengan kehendak keperluan negara dan tempat yang ada dalam universiti-universiti sedia ada. Kalau kita mahu semua penuntut-penuntut yang ada minat dan kebolehan melanjutkan pelajaran mereka mesti semua dapat peluang masuk universiti, saya ingat tidak ada sebuah negara boleh buat seperti itu. Tetapi walau bagaimanapun, kalau kita buat seperti cara itu barangkali satu hari kita akan memasuki satu zaman yang mana tiap-tiap orang mempunyai ijazah yang biasa. Jadi, kalau semua orang akan mempunyai ijazah dan biasanya kalau ini berlaku di negara kita, macam negara-negara yang lain tiap-tiap orang akan menjadi degree holder, ada ijazah ini boleh menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat dan mutu akademik mesti diturunkan. Masaalah ini kita kena timbang juga, tetapi kita mempunyai cara yang lain iaitu kalau mereka tidak dapat peluang memasuki universiti, mereka bolehlah juga melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi seperti maktab-maktab yang mana sekarang negara kita terdapat kekurangan orang-orang berkelulusan sub-professional, atau semi-professional seperti technician dan sebagainya. Mereka itu juga berpeluang memasuki maktab-maktab, bukanlah mesti perlu masuk universiti. Jadi, saya fikir perkara ini perlu difahamkan juga. Apa yang saya syorkan tadi iaitu pada masa sekarang kita juga sedang menimbang penubuhan universiti yang lebih banyak lagi, tetapi barangkali belumlah sampai kepada satu peringkat yang mana selepas 3—4 tahun ini hendakkan lebih banyak lagi, barangkali kita boleh berbuat demikian, tetapi kita perlu menimbang semua perkara-perkara yang lain juga.

BASIKAL TANPA LAMPU WAKTU MALAM

6. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerjaraya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau bersetuju bahawa basikal yang digunakan pada waktu malam tanpa lampu adalah mendatangkan bahaya kepada keselamatan jalanraya. Jika ya, adakah Menteri akan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya semua basikal hendaklah dilengkapi dengan lampu dan reflektor sebelum dilesenkan, dan juga tiap-tiap basikal yang berjalan pada waktu malam hendaklah memasang lampu.

Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan, izinkan saya memberitahu bahawa di negara kita ini basikal tidaklah perlu dilesenkan di bawah Ordinance Lalu Lintas Jalan, 1958. Memanglah benar bahawa basikal yang digunakan pada waktu malam tanpa lampu sangat merbahaya kepada penunggang-penunggang basikal itu.

Mengikut peraturan 35(2) dan (3) di bawah Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan 1959 (Road Traffic Rules, 1958) adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang itu apabila menunggang basikal jika tidak memasang lampu putih di hadapan dan lampu merah di belakang basikalnya di waktu malam. Kedua-dua lampu ini hendaklah jelas kelihatan dari jarak jauh yang berpatutan untuk memberitahu kehadirannya di jalanraya kepada pengguna-pengguna jalanraya yang lain.

Sesiapa jua dari penunggang-penunggang basikal yang didapati menunggang waktu malam tanpa memasang lampu putih di hadapan dan lampu merah di belakang basikalnya, bolehlah didenda sebanyak \$200 atau dipenjarakan tidak melebihi selama 3 bulan bagi kesalahan yang berikutan.

Dalam hal ini, pihak Polis senantiasa sahaja memberi kerjasama yang rapat terhadap kegiatan-kegiatan penguatkuasaan dari masa ke semasa. Di samping itu juga Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia di Kementerian saya dan juga Majlis-majlis Keselamatan Jalanraya Negeri terus memperhebatkan kempen keselamatan jalanraya tahunannya dalam waktu mana pengguna-pengguna jalanraya dan juga penunggang-penunggang basikal diberi nasihat melalui

risalah-risalah, buku-buku kecil, tayangan film dan siberan am yang lain supaya mematuhi peraturan-peraturan lalulintas dan Panduan Jalanraya demi untuk keselamatan jalanraya, diri mereka sendiri sewaktu menggunakan jalanraya.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada beratus-ratus basikal yang digunakan di waktu malam tanpa lampu sungguhpun itu adalah suatu kesalahan, tetapi tidak diambil peduli oleh pihak Polis. Perkara yang saya katakan ini berlaku di bandar dan di luar bandar dan semua orang mengetahui. Kalau sedar, apakah tindakan yang Kerajaan mesti ambil oleh kerana kita tahu bahawa menunggang basikal di waktu malam tanpa lampu adalah mendatangkan bahaya kepada penunggang-penunggang basikal dan keselamatan jalanraya?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar juga bahawa keadaan itu berlaku dalam beberapa kawasan dan pihak Kementerian dan juga pihak Polis pun mengetahui akan keadaan itu, dengan sebab itu telahpun diambil tindakan sewajarnya. Misalnya, dari segi perangkaan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh pihak Polis adalah seperti berikut:

	Bilangan kes
1972	12,564
1973	9,901
1974	7,672
1975 (Hingga bulan Mac) ...	871

Tetapi kalau ada kawasan-kawasan tertentu yang menghadapi masalah yang serious, seperti itu saya harap dapat diberitahu supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil kelak.

ELAUN SARA HIDUP KEPADA PEGAWAI SYARIKAT

7. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kementeriannya bercadang hendak memberi elaun sara hidup bulanan atau tahunan kepada pegawai-pegawai yang mengendalikannya syarikat-syarikat kerjasama supaya syarikat-syarikat itu dapat dipertanggungjawabkan oleh pegawai-pegawai pentadbirannya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak begitu tepat, dan saya menganggap tujuan soalan ini ialah samada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar bercadang memberi elaun sara hidup kepada Pegawai-pegawai Syarikat yang menjalankan syarikat-syarikat mereka sendiri. Kalau begitu soal memberi elaun sara hidup atau lain-lain elaun kepada Pegawai-pegawai Syarikat-syarikat Kerjasama itu adalah tanggungjawab syarikat-syarikat itu sendiri. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada juga memberi bantuan gaji tiap-tiap bulan kepada Pengurus-pengurus dan Setiausaha-setiausaha Syarikat-syarikat Kerjasama yang memerlukan bantuan.

PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

8. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak wang bantuan Kerajaan kepada Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dalam tahun-tahun 1971, 1972, 1973 dan 1974 samada berupa sumbangan dan/atau pinjaman dengan memberikan angka berasingan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bantuan Kerajaan kepada Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dalam tahun-tahun itu adalah hanya dalam bentuk pinjaman, dan angka-angkanya adalah seperti berikut:

1971	\$ 2,595,400.00
1972	\$ 3,703,500.00
1973	Tiada
1974	\$36,573,575.32

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diperhatikan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi sehingga \$36 juta pinjaman tiap-tiap tahun, dan Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian, sedangkan orang yang mendapat dua buah lori boleh mendapat untung dan ramai orang berebut hendak minta lesen lori "A" yang mendatangkan keuntungan, tetapi sebaliknya Keretapi Tanah Melayu yang dimonopoli oleh Kerajaan tiap-tiap tahun rugi. Kalau

sudah pinjam duit begitu banyak apakah sebabnya service yang diberi oleh Keretapi tidak ada perubahan, tempat duduk keretapi Kelas Dua dan Tiga tidak dibuat apa-apa perubahan? Dan service itupun lebih lagi dahsyat daripada tahun-tahun yang lalu. Itu pertanyaan saya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pinjaman-pinjaman ini ialah supaya Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu boleh mendapat modal untuk membeli alat-alat yang baru, umpamanya, membeli coach-coach yang baru dan enjin yang baru.

Teguran berkenaan dengan perkhidmatan Keretapi itu saya akan menyampaikan kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan cara bayaran balik pinjaman ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu belum membayar balik pinjaman ini oleh kerana seperti barangkali Ahli Yang Berhormat sedia maklum keretapi ini mengalami kerugian dalam perkhidmatannya dan pihak Kementerian saya sudahpun bersetuju mengadakan satu moratorium ataupun satu tempuh yang diberi kepada perkhidmatan itu supaya mereka boleh mendapat bantuan ini dengan tidak membayar balik pinjaman buat sementara waktu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Oleh sebab rugi dan terus rugi pinjaman tak berbayar, adakah cadangan Kerajaan pada masa yang akan datang keretapi ini diberi kepada swasta supaya dapat untung dan boleh dapat membayar balik kepada Kerajaan yang mana dia masih berhutang. Adakah tujuan Kerajaan kalau begini terus-menerus rugi, ada atau tidak cadangan untuk memberikan kepada swasta?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak bersangkut dengan soalan pokok, tetapi sukacita saya memaklumkan bahawa ada juga satu jawatankuasa khas yang telah mengkaji kedudukan Perkhidmatan Keretapi ini dan akan

memberi syor-syor yang tertentu supaya membaiki sistem ini dalam masa yang akan datang.

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan bahawa pada masa Perang Dunia Kedua dahulu Pentadbiran Keretapi di bawah Colonial Government ada menyimpan reserve lebih \$70 juta dan wang ini tak bolehkah dapat balik dari Perdana Menteri British, Tuan Wilson? Kita ada simpan reserve lama dahulu. Kata mereka: Baiklah, simpan dan kalau mahu lain kali boleh dapat. Tetapi mereka sudah tiada lagi sekarang ini dan wang \$70 juta itu hilang (*Ketawa*). Sebab itu saya hendak bertanya samada wang itu boleh dapat balik atau tidak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas cadangan Yang Berhormat Datuk Crawford itu tetapi barangkali adalah sukar mendapat balik reserve yang dahulu disimpan oleh Pentadbiran Perkhidmatan Keretapi dahulu pada masa penjajahan British.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan adakah pinjaman-pinjaman ini yang telah diberi sebagaimana disebut dalam tahun 1971, 1972 dan 1974 itu ada dibuat perjanjian dan kalau ada apakah syarat bayaran balik dan faedah-faedah yang ditentukan dalam perjanjian itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, benar ada perjanjian tertentu di antara Kerajaan dan Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu berkaitan dengan semua pinjaman ini. Misalnya, dalam tahun 1971 pinjaman di atas syarat-syarat, kadar-kadar faedah $6\frac{1}{2}\%$ dan tempoh dibayar balik ialah 20 tahun tetapi sehingga ini belumlah kita dapat membayar balik.

ROSOTAN EKONOMI AKIBAT INFLASI

9. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan kemelesetan dan stagflasi antarabangsa dan bagaimana kedudukan Malaysia dalam perkara ini sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada masa ini adalah sukar untuk memperkatakan dengan tepatnya, tanda-tanda menunjukkan bahawa rosotan ekonomi di negara-negara perusahaan utama telahpun berkurang sedikit dan aktiviti ekonomi dijangka akan pulih semula pada penghujung tahun 1975. Tanda-tanda perkembangan aktiviti ekonomi pada masa ini masih belum jelas tetapi Kumpulan Wang Antarabangsa (I.M.F.) telah menjangka pertumbuhan yang positif sebanyak kira-kira $3\frac{1}{2}\%$ bagi negara-negara perusahaan utama dalam separuh masa kedua tahun 1975.

Begitu juga kadar pertambahan inflasi di negara-negara tersebut dijangka akan turun dari $14\frac{1}{2}\%$ dalam tahun 1974 ke 10% . Kadar pengangguran dalam negara-negara itu yang selalunya menyusul di belakang pemulihan dalam aktiviti ekonomi, mungkin stabil pada penghujung tahun ini. Saya suka menegaskan bahawa ini adalah suatu penilaian keadaan seperti yang kita lihat sekarang ini dan dengan ketiadaan petunjuk-petunjuk yang lebih positif, kita hanya dapat menempuhi masa dengan lebih berhati-hati.

Pemulihan dalam aktiviti ekonomi secara beransur-ansur di dunia perusahaan utama mula memberi kesan yang baik ke atas ekonomi Malaysia. Misalnya, ekspot, yang merupakan sebanyak kira-kira 50% daripada Keluaran Negara Kasar (G.N.P.), telah bertambah dalam bulan Mac tahun ini setelah turun selama tujuh bulan yang lepas. Arah-aliran yang menurun dalam angkatunjuk harga ekspot Malaysia yang bermula dalam bulan Jun 1974, telah naik semula dalam bulan Februari tahun ini. Imbangan perdagangan kasar Malaysia, yang telah mengalami kekurangan sejak bulan Mei 1974, mencatatkan imbangan yang positif semenjak bulan Februari tahun ini.

Dengan itu kita berharap bahawa berikutan dengan keadaan yang baik ini, aktiviti ekonomi pada amnya akan beransur-ansur pulih semula di Malaysia juga.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

MAJUIKAN DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada MAJUIKAN telah berjaya meluaskan aktivitinya, dan apakah kesannya terutama kepada syarikat-syarikat kerjasama nelayan.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Lembaga ini telah berjaya meluaskan aktiviti-aktivitinya kepada bidang-bidang perusahaan perikanan iaitu menangkap ikan, memproses ikan dan seterusnya memasarkan ikan. Projek-projek yang dijalankan oleh MAJUIKAN setakat ini diringkaskan di bawah ini:

- (i) Projek Pukat Tunda Berat 30-40 tan—62 yunit
- (ii) Projek Pukat Jerut berat 30 tan—5 yunit
- (iii) Projek Bot Serbaguna berat 10 tan—20 yunit
- (iv) Kilang Memproses Udang/Ikan Kuala Kedah (Peringkat permulaan).
- (v) Kilang Air Batu Kuala Perlis
- (vi) Projek Pemasaran:
 - (a) Perniagaan ikan melalui Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia;
 - (b) Rancangan Kawalan Pemasaran—
Kuala Trengganu
Kuala Lumpur
Johor Bahru
Ipoh.
- (vii) Projek-projek usaha bersama:
 - (a) Usaha-bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan, Mersing, Johor;
 - (b) Usaha-usaha dalam projek Penangkapan ikan di lautan dalam di Kuching, Sarawak dengan menggunakan 9 yunit bot pukat tunda yang disewa dari United Fisheries of Kuwait.

Selain dari projek-projek yang sedang dilaksanakan tersebut di atas, terdapat juga projek-projek yang dalam peringkat pembinaan seperti berikut:

- (i) Pembinaan 73 yunit lagi bot-bot pukat tunda termasuk 10 yunit bagi Sarawak.
- (ii) Pembinaan 20 yunit lagi bot-bot serbaguna.
- (iii) Kilang Air Batu di Kuantan.
- (iv) Projek memelihara ikan air tawar di Puchong, Selangor, di mana 50 buah kolam-kolam ikan sedang dibina.

Setakat ini kegiatan-kegiatan menangkap ikan di projek-projek telah berjaya meningkatkan pendapatan di kalangan nelayan-nelayan yang menyertai projek iaitu seramai lebih

kurang 630 orang nelayan. Dahulunya pendapatan mereka ini adalah di antara \$60 atau \$80 sebulan, sekarang mereka telah berjaya mendapat setinggi-tingginya \$500 dan serendah-rendahnya \$150. MAJUIKAN sedang berusaha menggalakkan nelayan menggunakan lebih masa di laut untuk menangkap ikan sebagai nelayan-nelayan penuh masa (full-time) dan menjaga mutu ikan dengan baik supaya mendatangkan pendapatan yang lebih tinggi kepada nelayan-nelayan ini.

Jelas daripada di atas, langkah-langkah sedangpun dijalankan sesuai dengan tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga ini.

Pemindahan Koperatif-koperatif nelayan ke bawah penyeliaan MAJUIKAN baru sahaja selesai diuruskan. Dengan itu Koperatif nelayan dan Persatuan Nelayan adalah dibimbing oleh MAJUIKAN; usaha-usaha sedang diambil untuk melibatkan kedua-dua jenis badan itu dalam pelbagai kegiatan sejajar dengan perusahaan perikanan dan perusahaan-perusahaan yang berkaitan. Sebagai pejabat Pendaftar MAJUIKAN memainkan peranan yang cergas untuk memberi bimbingan, galakan, serta perkhidmatan nasihat dari segi perniagaan, ekonomi dan lain-lain.

RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA

11. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih daripada 50% rakyat Malaysia keturunan India adalah miskin dan ini menjadikan suatu masalah sosial yang besar kepada Negara kita, jika ya, bagaimana Kerajaan bercadang mengatasi masalah ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Hujjah Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa 50% dari rakyat Malaysia keturunan India itu miskin tidak dapat diterima. Satu kaedah yang telah diikuti dalam satu kajian mengenai kemiskinan di Malaysia ialah menumpukan perhatian kepada "the bottom 40% of households" dalam taburan pendapatan (income distribution). Dari segi pendapatan, ini adalah bersamaan dengan pendapatan bulanan sebanyak \$25 per kapita bagi tiap-tiap seisi rumah atau household bagi tahun 1970 dan \$34 bagi tahun 1975. Kajian ini

menunjukkan bahawa dalam tahun 1970, 24.8% dari isi rumah keturunan India berada dalam kategori ini. Bagi orang-orang Melayu ialah sebanyak 51%, sementara orang-orang China ialah 14.7%. Bagi semua bangsa, terdapat kemiskinan atau "incidence of poverty" di luar bandar iaitu yang lebih tinggi daripada kawasan bandar.

Sungguhpun kebanyakan dari orang-orang yang miskin adalah orang Melayu, ramai juga orang-orang keturunan China dan India yang miskin. Seperti Yang Berhormat sedia maklum Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum atau tempat. Kerajaan sedar bahawa di kawasan luar bandar lebih kurang 20% dari pekerja-pekerja ladang, yang kebanyakannya keturunan India, termasuk golongan miskin. Kemiskinan dikalangan orang-orang India juga terdapat di kawasan-kawasan bandar, dalam kawasan-kawasan perumahan sesak serta dalam pekerjaan-pekerjaan di mana pendapatan adalah lebih rendah dari pendapatan purata.

Keperluan dan masalah gulungan miskin yang tertentu memerlukan usaha pembangunan yang lebih besar dibuat bagi membolehkan rakyat kita yang miskin mengambil kesempatan dari peluang pekerjaan dan peluang-peluang yang lain. Usaha-usaha ini sangat mustahak terutama sekali bagi rancangan-rancangan dalam bidang pertanian, kemajuan tanah, perindustrian, perumahan, pelajaran, kesihatan dan nilai makanan yang sempurna. Rancangan-rancangan dan projek-projek yang akan dijalankan bagi menentukan supaya usaha-usaha ini benar-benar berkesan terhadap rakyat yang miskin akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU DAN BANTUAN

12. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) bilangan kampung-kampung baru yang menerima bantuan daripada Kementerian ini semenjak ianya ditubuhkan.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chan Wing Sum):

- (a) jumlah bilangan kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia ialah 465; dan
- (b) bilangan kampung-kampung baru yang menerima bantuan daripada Kementerian ini semenjak ianya ditubuhkan Sepuluh bulan dahulu ialah 150.

JAMBATAN/BANGUNAN KERAJAAN OLEH PEMBORONG

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan jumlah jambatan atau bangunan-bangunan Kerajaan yang tidak dapat diteruskan pembinaannya oleh sebab ditinggalkan oleh pemborong-pemborongnya dan nyatakan jumlah jambatan baru yang telah dirobuhkan oleh banjir serta nyatakan jumlah kerugian yang dialami.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan daripada Ahli Yang Berhormat ini terlalu umum. Walau bagaimanapun saya diberitahu bahawa tidak ada projek-projek besar bagi jambatan-jambatan yang tidak siap oleh sebab ditinggalkan oleh pemborong-pemborong. Sementara itu saya diberitahu juga bahawa pada masa ini hanya terdapat sebuah sahaja projek bangunan Kerajaan telah ditinggalkan oleh pemborongnya iaitu membina dan menyiapkan dua buah rumah klas "H" di Sri Taman, Jalan Venning, Kuala Lumpur.

Memang terdapat beberapa projek-projek jambatan dan bangunan-bangunan Kerajaan yang kontreknya telah ditamatkan oleh Kerajaan tetapi ini bukanlah oleh kerana ditinggalkan oleh pemborong-pemborong. Tindakan menamatkan kontrek ini diambil oleh kerana pemborong-pemborong gagal memenuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak kontrek. Sungguhpun tindakan ini diambil tidaklah bermakna bahawa kerja-kerja telah ditinggalkan begitu sahaja. Tindakan serta-merta selalunya diambil untuk memanggil semula tawaran bagi meneruskan dan menyiapkan projek yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu bilangan jambatan-jambatan baru yang telah dirobuhkan oleh banjir dan jumlah

kerugian yang dialami. Adalah dimaklumkan bahawa kebanyakan jambatan-jambatan besar yang dirobuhkan oleh banjir adalah jambatan-jambatan lama yang dibina sebelum Merdeka dahulu. Walau bagaimanapun saya diberitahu bahawa ada dua jambatan baru yang dirobuhkan oleh banjir iaitu Jambatan Temerloh di Pahang yang roboh pada 1961 dan jambatan di Bota, Perak yang dirobuhkan oleh banjir dalam tahun 1967. Kos pembinaan jambatan Temerloh itu ialah sebanyak \$927,000 sementara Jambatan Bota pula dibina dengan perbelanjaan sebanyak \$1.2 juta. Kedua-dua jambatan ini telah digantikan dengan jambatan-jambatan baru di mana Jambatan Temerloh berharga \$15,169,000 (mengikut harga tawaran) dan Jambatan Bota yang baru berharga \$3.1 juta.

SENJATAPI OLEH PENJENAYAH-PENJENAYAH

14. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) memandangkan kepada bertambahnya bilangan penjenayah-penjenayah menggunakan senjatapi samada Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) yang berkuatkuasa pada 8-7-74 telah dijalankan dengan sewajarnya;
- (b) sejak berkuatkuasanya Akta tersebut, bilangan penjenayah yang menerima hukuman lebih berat setakat hari ini dan samada mereka dihukum penjara seumur hidup atau gantung; dan
- (c) bilangan penjenayah yang menggunakan senjatapi yang tidak dihukum mengikut peruntukan-peruntukan Akta itu, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan):

- (a) Akta senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) yang telah berkuatkuasa pada 8-7-74 telah pun dijalankan dengan sewajarnya.
- (b) Bilangan penjenayah-penjenayah yang telah dihukum ialah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Penjenayah	Hukuman yang dijatuhkan
Perak ...	1	Penjara seumur hidup.
Negeri Sembilan ...	1	Mati.
Pulau Pinang ...	2	Penjara 10 tahun.
Pulau Pinang ...	1	Penjara 7 tahun dan 6 kali rotan.
Johor ...	7	Penjara 5 tahun dan 6 kali rotan.

- (c) 66 penjenayah yang dituduh menggunakan senjata tetapi tidak dituduh di bawah peruntukan Akta itu sebab tidak mencukupi keterangan-keterangan untuk membuktikan penggunaan senjata tersebut samada mereka melakukan kesalahan-kesalahan itu, misalnya senjata yang digunakan itu tidak dijumpai atau saksi-saksi enggan memberi kerjasama mereka untuk memberi keterangan seperti mengenalkan penjenayah-penjenayah itu. Penjenayah-penjenayah itu hanyalah dapat dituduh melakukan rompakan biasa sahaja di bawah undang-undang Kanun Keseksaan dan mereka sanggup mengaku salah sahaja. Tetapi kalau dituduh di bawah Akta tersebut mereka akan meminta bicara dan apabila bicara sudah tentu kes itu akan dibuang sahaja oleh Mahkamah dengan sebab tertentu yakni tiadanya butir-butir yang lengkap.

KEKURANGAN TEKSI

15. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar akan kekurangan teksi di Negara ini, jika ya, berikan sebab-sebabnya;
- (b) bilangan teksi yang ada sekarang di tiap-tiap negeri;
- (c) bilangan yang dipunyai oleh bumiputra;
- (d) bilangan yang dipunyai oleh bukan bumiputra; dan
- (e) samada beliau bercadang menambahkan lagi bilangan teksi-teksi di tiap-tiap negeri, terutama sekali di negeri Kedah.

Tuan Richard Ho Ung Hun:

- (a) Masalah kekurangan teksi seperti mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang "relative" iaini harus dilihat secara perbandingan. Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa di negara kita ini masih berlaku kekurangan teksi-teksi dan kereta sewa. Kekurangan perkhidmatan teksi mungkin berlaku di

satu-satu kawasan oleh berbagai-bagai faktor seperti berlakunya pertambahan penduduk-penduduk, perkembangan pusat-pusat tempat tinggal dan kemajuan-kemajuan pembangunan seperti perindustrian, pembukaan kawasan-kawasan perumahan, pembukaan tanah dan sebagainya lagi yang telah menarik ramai orang menumpu mencari penghidupan masing-masing. Akibatnya ialah lebih banyak perkhidmatan sosial termasuk perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi-teksi dan kereta-kereta sewa dikehendaki daripada yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun perkara ini adalah sentiasa di dalam perhatian Kerajaan khususnya untuk menambahkan bilangan teksi-teksi dan kereta sewa di kawasan-kawasan yang memerlukan perkhidmatan teksi-teksi ini. Lembaga Penasihat Angka Matlamat bagi Kereta Sewa dan Teksi yang ditubuhkan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah dari masa ke masa mengkaji soal keperluan teksi dan kereta sewa dalam kawasan negeri masing-masing dan mengemukakan syor-syor untuk menambahkan bilangan teksi-teksi ini kepada Lembaga Pelesenan di Kementerian saya yang akan menimbang semula syor-syor tersebut dan jika benar didapati kawasan-kawasan yang berkenaan itu memerlukan perkhidmatan teksi dan kereta sewa maka permit-permit akan dikeluarkan.

Pendek kata masalah keperluan perkhidmatan teksi-teksi ini adalah sentiasa diawasi dari masa ke masa.

- (b) (c) & (d)

Bilangan teksi yang ada sekarang di tiap-tiap negeri dan pecahan-pecahannya kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Bil Lesen	Bumi-putra	Bukan Bumi-putra	Cam-puran
Johor ...	1500	873	593	34
Melaka ...	455	245	156	4
N. Sembilan ...	524	296	149	79
Selangor/ W. Persekutuan	2338	1251	755	332
Perak ...	1424	766	506	152
Penang ...	395	203	172	20

Kedah	581	466	94	41
Perlis	85	65	14	6
Kelantan	397	364	35	—
Trengganu	246	238	8	—
Pahang	317	230	73	14
JUMLAH	8261	5026	2553	682

- (e) Kementerian saya memang bercadang hendak menambah bilangan teksi-teksi dan kereta-kereta sewa di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Langkah-langkah sedang diambil untuk menambahkan lagi bilangan kereta sewa/teksi di tiap-tiap negeri mengikut syor Lembaga Penasihat Angka Matlamat di negeri masing-masing. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Kementerian saya sedang pesat menjalankan temuduga-temuduga pemohon-pemohon bagi lesen teksi di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun setakat ini Kementerian saya belum lagi menerima syor-syor dari Kerajaan Negeri Kedah untuk menambahkan bilangan kereta sewa/teksi di negeri Kedah untuk dipertimbangkan.

GURU-GURU UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN

16. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk mengisi kekosongan jawatan Guru U gama terutama di Trengganu, kerana mereka telah memasuki Universiti untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Chan Siang Sun: Langkah-langkah selalu diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengisi sebarang kekosongan jawatan guru-guru agama di sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan. Walau bagaimanapun kadang-kadang terdapat kekosongan guru-guru agama di sekolah-sekolah disebabkan oleh pemberhentian ataupun pemindahan guru-guru agama kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Apabila ini terjadi maka masa dikehendaki untuk mendapat gantinya.

Apa yang difahamkan, pada masa ini di Trengganu hanya ada satu kekosongan saja, iaitu di Sekolah Menengah Sains, Kuala Trengganu, disebabkan guru agama berkenaan telah meletakkan jawatan untuk

melanjutkan pelajaran ke Universiti. Kekosongan ini baru saja berlaku, dan Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan itu.

KILANG KUARI DI BATU CAVES

17. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada benar bahawa tempat memecah batu di Batu Caves akan ditutup; jika ya, bila, dan jika tidak, meng-apa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Bahagian Alam Sekitar di Kementerian ini telah mengendalikan mesyuarat-mesyuarat dengan pengusaha-pengusaha kilang-kilang kuari pada awal tahun ini, dalam mana kita telah meminta mereka mengemukakan rancangan mereka untuk mengawal pencemaran debu di kawasan tersebut. Sehingga ini mereka belum lagi mengemukakan rancangan itu dan kita sendiri tidak berpuashati dengan keadaan ini.

Walaupun bagaimanapun saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kesusahan yang dialami oleh orang ramai akibat daripada pencemaran debu ini. Sebagaimana yang diketahui Bahagian Alam Sekitar baru sahaja ditubuhkan dan tenaga "expertise" serta "resources" sedang diperkembangkan, maka adalah tidak mungkin untuk mengambil langkah-langkah pemulihan pada masa ini. Sungguhpun demikian Kementerian saya akan menghubungi Kerajaan Negeri untuk mengadakan langkah-langkah sementara bagi mengatasi keadaan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (22hb Julai, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini akan diteruskan hingga pukul 6.30 petang ini oleh kerana Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab esok. Saya hendak tahu berapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap atas Rang Undang-undang ini—ada 13 orang semuanya dan kita ada 3 jam. Saya harap tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil masa 10 minit, lebih-lebih 12 minit boleh kita tamatkan perbincangan dalam Rang Undang-undang ini.

Perbincangan disambung semula.

3.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung perbincangan semalam semasa saya berhenti saya cuma hendak menyebut di atas Kementerian Kesihatan sahaja untuk memberi peluang kepada rakan-rakan saya bercakap lebih panjang.

Apa yang saya hendak nyatakan ini ialah berhubung dengan keadaan Hospital Besar Seremban, samada pihak Kementerian sedar atau tidak yang mana kerosakan-kerosakan sedang berlaku sehingga boleh mencatitkan pandangan orangramai kepada hospital yang tersebut. Samada pihak pentadbir di sana telah menyampaikan kepada Kementerian atau tidak kerosakan-kerosakan ini, saya harap pihak Kementerian membuat penyiataan berhubung dengan kerosakan tandas-tandas dan juga loji yang mengepam najis-najis yang keluar daripada tandas itu telah mengalami kerosakan. Kalau hari ini pihak Menteri pergi ke sana boleh dapat baunya.

Yang kedua, berhubung dengan keadaan sistem baru yang dikenakan kepada hospital yang tersebut, sudah sampai satu tahun yang mana hari ini masih lagi orangramai tidak puas hati di atas sistem lawatan orangramai untuk berjumpa pesakit-pesakit. Walaupun sistem ini difikirkan sepintas lalu baik, tetapi kerana kita masyarakat timur ini belum dapat lagi mengikuti 100 peratus sistem yang kita amalkan secara barat itu. Jadi, saya harap pihak Kementerian dapat melonggarkan sedikit daripada dua orang pada satu masa boleh melawat itu ditambah. Walaupun di dalam penerangan pihak Pentadbir Hospital menerangkan kalau sekiranya seseorang itu sakitnya sudah cukup serious, dia

akan membenarkan lebih pelawat-pelawat. Dari segi cakupannya betul, tetapi dari segi amalannya tidak.

Pada satu hari saya terpaksa campur tangan satu kes yang mana mereka ini kena langgar dan dimasukkan ke hospital tersebut dalam keadaan tidak sedar. Pihak doktor yang merawat pesakit ini memberi dua pas kepada keluarga dia untuk melihat tiap-tiap masa. Tetapi malangnya, Pentadbir Hospital itu tidak tahu macam mana merampas pula pas itu. Kemudian selepas tiga hari pihak keluarga si sakit itu datang berjumpa pada saya, saya telah menalipon kepada pihak rumah sakit supaya dapat memberi lebih bilangan keluarga dia dapat melawat, kerana keadaan orang itu sakit tenat. Setelah saya menalipon itu barulah dapat diberikannya lima orang. Malangnya, tengah hari dia datang tengok, pada malamnya pesakit itu terus meninggal dunia. Jadi, sebelum daripada itu ikutlah apa sahaja yang dikanunkan di atas sistem ini. Maka saya harap pihak Menteri jangan sahaja mendengar laporan-laporan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Pentadbir di sana, kerana kita ini orang timur, belum lagi dapat mengikuti sistem yang begitu yang diamalkan di barat. Saya rasa dalam Malaysia ini, tidak tahulah saya di hospital lain, boleh jadi Seremban sahaja dikenakan cara membuat lawatan itu dua lebih daripada dua orang tidak boleh dan orang sahaja pada satu masa boleh melihat di waktu pelawat itu dibenarkan melawat, kanak-kanak yang di bawah 12 tahun tidak dibenarkan. Kalau seseorang ibu yang sakit telah rindukan anaknya, tidak dapat dibawakan anaknya. Rasa saya peraturan ini dapat dikaji semula supaya dilonggarkan sedikit dan tidaklah begitu ketat, kalau sekiranya anak yang hendak dibawa itu 3-4 tahun, kerana saya tahu ragam kaum ibu kalau dia sakit tidak dapat jumpa anaknya yang 2-3 tahun itu, saya yakin sakitnya akan bertambah berat. Jadi, apa salahnya kalau sekiranya anaknya yang berumur 2-3 tahun itu didukung oleh pelawat dibawa untuk berjumpa pesakit itu. Tetapi hari tidak dibenarkan.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, serba-sedikit yang dapat saya nyatakan kerana memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain untuk bercakap, maka saya adalah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini.

3.46 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, menangkap orang salah susah tetapi melepaskan orang salah senang. Saya beri satu contoh berapa banyak orang-orang salah yang sakit dibawa ke rumah sakit lari daripada hospital, kerana di hospital itu tidak ada lock-up. Saya berharap Kerajaan mengadakan lock-up di tiap-tiap hospital yang ada diseluruh Malaysia ini.

Selain daripada itu, berkenaan perlantikan Hakim-hakim Besar. Hakim-hakim Besar ini sebelum mereka itu dilantik patutlah diberi peluang orang yang telah berkhidmat di dalam Kerajaan, Hakim-hakim yang lama dipertimbangkan dahulu menjadi Hakim Besar sebelum kita mengkaji peguam-peguam yang telah berkhidmat di luar daripada Kerajaan, kerana itu satu incentive kepada kakitangan Kerajaan yang mengambil jawatan sebagai Hakim.

Lagi satu berkenaan dengan Lapangan-terbang di Subang. Di sana kalau tidak berhati-hati saya percaya pada satu hari kelak tidak akan maju di masa akan datang disebabkan berhampiran dengan Lapangan-terbang Subang itu ada pula tempat militari dan militari pula menggunakan lapangan-terbang itu untuk kenaikan dan mengajar orang-orang naik kapalterbang dan mengganggu kapalterbang-kapalterbang yang hendak mendarat di Subang Airport. Di sini saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian kerana wang bermelion ringgit telah dibelanjakan untuk membina Lapangan-terbang Subang itu, kerana tidak ada satu tempat di dalam dunia ini lapangan-terbang awam digunakan oleh militari.

Lagi satu saya hendak bercakap iaitu berkenaan dengan senjata, tidak habis-habis perompak-perompak di mana-mana yang menggunakan

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat nyatakan butir-butir yang hendak disentuh dalam Rang Undang-undang ini dan juga dalam Anggaran Tambahan.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Bersangkutan, Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang ini. Berkenaan

senjata ini yang saya pelik sekali ialah di Padang Besar sana iaitu Pegawai Imigresyen bekerja daripada pukul enam pagi sehingga pukul enam petang dan Pegawai Kastam pun daripada pukul enam pagi sampai pukul enam petang. Selepas itu bebaslah orang-orang datang masuk membawa apa sekalipun. Ini akan menambah wang Kerajaan pada satu hari kelak untuk menjaga keselamatan dalam negeri ini.

Lain tidak ada apa-apa yang hendak saya cakapkan, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih.

3.50 *ptg.*

Puan Zawiyah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah dibahaskan dari hari semalam.

Saya ingin mengambil bahagian sama di dalam Bil yang dibahaskan berhubung dengan Kepala B. 14—Kementerian Pertanian dan Perikanan. Dalam soal pertanian, Kerajaan telah menggalakkan rakyat bercucuk tanam dengan berbagai jenis tanaman yang menambahkan bahan makanan untuk keperluan di negara ini. Apa yang saya merasa dukacita ialah setelah rakyat menyahut rayuan Kerajaan dengan menanam jenis-jenis tanaman yang begitu banyak terutama sekali daripada jenis kacang tanah dengan sekali ganda daripada tahun-tahun yang lalu, tetapi malangnya harga pemasaran kacang tanah yang ada pada hari ini telah jatuh dengan begitu rendah sekali, boleh dikatakan satu pertiga daripada tahun-tahun yang lalu yang mana pada tahun 1974 kacang tanah dengan harga \$35 sepikul tetapi pada tahun ini kacang tanah dibeli dengan harga \$22.50 sepikul. Pada hal pada tahun ini adalah tahun yang digalakkan oleh Kerajaan kepada rakyat bumiputra supaya mengambil peluang bercucuk tanam dengan begitu banyak. Dengan harga yang begitu rendah sudah tentu akan menawarkan hati petani-petani yang telah menyahut seruan Kerajaan.

Saya bimbang di masa akan datang nanti petani-petani kita tidak akan lagi menerima atau menyahut seruan Kerajaan di dalam perkara tersebut. Dan dengan ini mengakibatkan akan membawa kegagalan rancangan Kerajaan. Saya mengesyurkan kepada Kementerian Pertanian supaya mengadakan satu

badan atau jawatankuasa bagi menentukan jenis-jenis tanaman yang akan ditanam di satu-satu daerah supaya tidak akan terjadi sebagaimana pada hari ini satu jenis ditanam dengan begitu banyak sekali.

Saya berharap kepada Kementerian ini supaya menstabilkan harga satu-satu jenis tanaman itu dengan harga yang tetap. Dan dengan adanya harga yang tetap pada satu-satu jenis tanaman ini maka dapatlah petani-petani membuat anggaran pendapatan mereka dari setahun ke setahun. Dengan cara inilah baharu benar-benar Kerajaan dapat meninggikan taraf ekonomi petani-petani di luar bandar. Dan juga memandangkan pengeluaran kacang yang begitu banyak di negara kita dan juga memandangkan pengilang ataupun swasta-swasta yang ada pada hari ini di negara kita tidak begitu mencukupi, maka saya rasa sudah sepatutnya Kerajaan menambahkan, lagi kilang-kilang supaya mencukupi dengan hasil yang telah dikeluarkan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam Kementerian Perikanan. Apa yang telah saya difahamkan iaitu nelayan-nelayan yang ada pada hari ini nasibnya tidaklah boleh dikatakan berubah sebagaimana di masa yang lepas. Nasibnya adalah sama seperti tahun-tahun yang lepas juga kerana pinjaman-pinjaman yang telah diberi kepada nelayan-nelayan ini adalah kepada nelayan-nelayan yang telah mempunyai modal permulaan ataupun mempunyai asas. Jadi apakah nasib kepada nelayan-nelayan yang tidak mempunyai asas. Akhirnya tinggallah nelayan-nelayan ini sebagaimana biasa tahun-tahun yang lalu juga. Dengan ini saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi pinjaman kepada nelayan-nelayan itu secara berkumpulan iaitu seramai 10 orang atau sebagainya. Dan dengan itu dapatlah nelayan-nelayan yang hanya menjadi kuli selama ini akan dapat merasa nikmat menjadi tuan ataupun dapat berdiri di atas kaki sendiri dan dengan inilah sahaja dapat Kerajaan mengubah nasib nelayan-nelayan yang ada pada hari ini.

Akhirnya, saya sekali lagi menyokong penuh Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975).

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana menghormati wanita bercakap dahulu.

Pertama, saya suka mengambil bahagian menyentuh dalam Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan telah mendapat peruntukan wang sebanyak \$30,260,000 tetapi wang itu membazir sahaja kerana memandangkan segolongan tempat sahaja iaitu tempat M.P. atau Senator—tempat Yang Berhormat itu dan juga Yang Berhormat Menteri-menteri tetapi tempat pesakit-pesakit yang membayar Kelas I atau II dan Kelas Tiga—tidak kena bayar, sangat-sangat buruk. Bantalnya lebih keras daripada batu. Sebab saya tahu dan saya adalah salah seorang Pelawat Hospital dan juga Ahli Jawatankuasa Hospital Besar Pulau Pinang. Saya telah menghantar surat kepada Kementerian ini sendiri tetapi jawapannya di dalam perhatian, sehingga hari ini ianya belum dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan.

Begitu juga di Ward Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang itu adalah sangat kotor tidak sebagaimana sebelum perang dahulu. Mengapakah dahulu boleh dibuat begitu sekarang kita telah peruntukkan wang begitu banyak mengapa tidak dapat dijalankan di dalam hospital-hospital seperti kebersihan yang telah dijalankan dahulu itu?

Oleh kerana soalan saya tidak dikeluarkan, saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan dan kalau terkeluar daripada perbincangan ini, saya minta maaf, kerana gaji-gaji yang telah diberi kepada doktor-doktor, Juru X-ray, Doktor Pergigian atau Perubatan tingkatan gajinya tidak sama malahan jauh perbezaannya sekurang-kurangnya gaji-gaji itu hendaklah dibayar mengikut kelulusan yang diperolehi. Doktor Perubatan itu gajinya kurang dan setengah-tengahnya lebih. Ini hendaklah dikaji balik tentang kedudukan di dalam tanggagaji-tanggagaji di Hospital ini. Nasib saya adalah malang kerana soalan itu tidak keluar. Saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang berat di dalam soal Hospital ini.

Yang kedua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri banyak juga perbelanjaannya. Baru-baru ini banyak tentera-tentera kita yang telah mendapat kecederaan dan mati, tetapi pemberian sagu hati sangatlah rendah. Ada seorang yang dirawat di hospital, kakinya telah dipotong. Kalaulah begini kehidupannya, apakah yang boleh dibuatnya selepas keluar daripada hospital

sedangkan pendapatan mereka tidak memuaskan untuk menampung hidup mereka. Saya berharap kepada Kerajaan supaya pemberian itu biarlah ditambah supaya dapat mereka beli rumah kecil atau mereka boleh membuat satu benda yang dapat dimakan tiap-tiap bulan. Lagi satu yang saya selalu minta dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya gaji-gaji mereka dinaikkan supaya mereka tidak rasuah. Kita memandang kepada orang-orang atasan sahaja, tetapi mengapakah kita tidak memandang kepada orang yang di bawah yang telah memberi khidmat kepada negara dan juga kepada rakyat kita sendiri kita tidak ambil peduli. Inilah saya berharap kepada Kerajaan.

Berkenaan Kementerian Kebajikan Am. Kementerian ini banyak menggunakan wang. Saya dapati anak-anak yatim, anak-anak miskin, anak-anak cacat banyak derma daripada luar diminta oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Anak-anak Yatim, tetapi pemberian tidak mencukupi untuk menjaga anak-anak yang telah mendapat cedera. Jadi, saya berharap kepada Kerajaan supaya dapat menambahkan lagi peruntukan kepada kanak-kanak yang tidak begitu bernasib baik.

Akhir sekali, saya hendak bercakap berkenaan Kementerian Pelajaran mengenai guru-guru yang telah diterangkan oleh Menteri. Saya telah susah payah rekomen seorang yang pernah menjadi guru meminta jawatan guru, tetapi Kerajaan telah menolak. Saya sebagai Senator atau Wakil Rakyat memberi sokongan tidak diberi penghargaan, siapakah yang akan memberi sokongan supaya boleh guru-guru itu memberi khidmat kepada Kerajaan? Kerajaan hendak mengambil banyak guru-guru, tetapi jawabannya tidak ada. Begitu juga guru-guru ugama. Kalau hendak seribu guru ugama saya boleh cari. Jawabannya tidak ada. Ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga Kementerian Pengangkutan. Mengapakah permohonan-permohonan lesen teksi oleh orang yang betul-betul hendak membuat kerja itu tidak dihiraukan. Orang yang telah dikatakan Ali-Baba diberi lesen teksi ini dengan senang atau mudah. Ini pun patut diambil tindakan yang sewajarnya. Saya tidaklah hendak bercakap panjang. Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi masa 12 minit kepada saya.

Saya harap di lain kali masa perbincangan Budget sebelum perbincangan pada hari pertama dimulakan hendaklah ditanya berapa ramai hendak bercakap. Kalau tidak Ahli yang mula bercakap dapat peluang yang banyak dan Ahli-ahli yang lain dapat sedikit. Ini saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, rayuan saya dan Ahli-ahli Dewan ini akan ditimbang oleh Kerajaan.

4.05 ptg.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975), 1975 yang sedang dibahaskan. Saya ingin mengambil peluang di sini menyentuh atas tiga perkara sahaja untuk perhatian Dewan ini.

Yang pertama, atas Kepala 28—Kementerian Kesihatan. Saya ingin menarik perhatian kepada Menteri Kesihatan atas keadaan buruk, tidak sihat dan kerumitan yang dialami oleh pesakit otak yang ditahan dalam rawatan di hospital daerah sebelum dia dapat ditentukan sifat penyakit (diagnosis under mental observation) sebelum dihantar ke hospital otak yang tetap seperti di Johor Bahru dan lain-lain.

Pesakit otak ini biasanya ditempatkan dan dipisahkan di dalam satu bilik sempit iaitu cell atau cubicle seperti sebuah lock-up di penjara dengan tidak cukup angin (ventilation) tidak ada tandas, tidak ada bangku tidur dan tilam dan rawatan pula sangat tidak memuaskan. Sungguhpun pesakit ini tidak akan tinggal lama di hospital itu tetapi dengan kerumitan dan keadaan buruk itu boleh menambahkan lagi sakitnya. Saya mendesak Menteri Kesihatan membaiki keadaan yang tersebut di seluruh hospital daerah di Malaysia dan lebih jauh lagi saya harap dan menggesa Menteri Kesihatan boleh tubuhkan dengan seberapa segera psychiatric unit bagi tiap-tiap hospital Daerah yang besar supaya pesakit otak yang makin bertambah sekarang dapat dirawat dengan sewajarnya dan dengan cekap.

Yang kedua, Kepala B. 1—Parlimen. Saya di sini ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara berkenaan dengan kelambatan menghantar Bil-bil kepada Ahli-ahli Dewan Negara pada tiap-tiap persidangan Dewan ini. Seumpamanya, Bil-bil pada mesyuarat-mesyuarat sekarang cuma enam Bil sahaja yang dihantar 10 hari

yang lepas manakala 13 Bil lagi kita baharu dapat bila sampai di sini. Semula Bil patunya dihantar kepada Ahli-ahli satu atau dua minggu lebih awal sebelum persidangan supaya boleh dibaca dan dikaji dengan teliti untuk dibahaskan dalam mesyuarat yang akan datang. Jika tidak dibuat begitu saya bimbang Ahli-ahli Parlimen di Dewan Negara akan terpaksa menjadi "rubber stamp" sahaja.

Parlimen adalah satu Pejabat yang bermutu tinggi iaitu National Policy Making Body yang benar-benar memberi tauladan kepada pejabat-pejabat lain. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini diberi perhatian supaya kesilapan seperti ini tidak berlaku dan diulang-ulangi lagi pada masa yang akan datang.

Akhirnya Kepala B. 7—Jabatan Perdana Menteri, iaitu berkenaan balasan dan penerimaan surat-surat dan permohonan dari orangramai. Untuk keahlian dan kecekapan pentadbiran Kerajaan kita dan bagi memberi kemudahan kepada rakyat, tiap-tiap surat ataupun permohonan yang diterima oleh Pejabat Kerajaan masing-masing patut dibalas atau sekurang-kurangnya diaku penerimaannya. Konsep ini telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Abdul Razak sendiri, dan saya percaya arahan telahpun disampaikan kepada semua pejabat di seluruh negara, tetapi arahan ini tidak dijalankan sampai sekarang. Ini mengakibatkan kesukaran kepada rakyat yang menghantar permohonan-permohonan khususnya permohonan penting dan surat kepada pejabat-pejabat yang berkata permohonan-permohonan dan surat-surat itu tidak diterima atau hilang. Saya menggesa supaya perkara ini dianggap serious dan patut dimaklumkan sekali lagi kepada Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan yang sewajarnya dengan lebih berkesan.

4.12 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Bil ini yang mana perbelanjaan-perbelanjaan yang diminta itu telahpun dibuat dalam tahun-tahun yang sudah. Saya ingin memberi comment tentang dua aspek iaitu yang pertama tentang asas peruntukan-peruntukan yang telah diberi dan kedua ditujukan kepada beberapa Kementerian yang tertentu.

Pertama, saya ingin menegaskan bahawa dalam peruntukan-peruntukan kewangan yang telah diberikan kepada beberapa Kementerian dan juga beberapa Jabatan-jabatan Kerajaan ada terdapat pemberian peruntukan yang tidak seimbang, maksud saya ialah jika dikaji setengah daripada Jabatan-jabatan Kerajaan, ada Jabatan yang lebih kerana sebab-sebab tertentu tidak dapat peruntukan yang sepatutnya atau yang sepenuhnya supaya dapat Jabatan ini menjalankan tugasnya dengan efficient. Maksud saya kalau ditinjau senarai kakitangan-kakitangan setengah daripada jabatan ini, misalnya, dalam Jabatan Pembangunan Kerjasama atau Jabatan Co-operative terdapat setengah daripada kakitangan strategiknya telah tidak dipenuhi selama beberapa tahun kerana peruntukan tidak sampai atau tidak diperolehi, tetapi pada setengah-setengah jabatan pula atau setengah-setengah lembaga peruntukan-peruntukan telah diberi boleh dikatakan tanpa had sehinggakan ada berlaku di mana jabatan itu, untuk menghabiskan peruntukan yang terlalu banyak itu mengadakan crash programmes supaya wang peruntukan yang lebih tidak diambil balik. Saya harap Kerajaan akan memikirkan perkara yang tidak seimbang ini kerana kita tidak mahu ketidakcekapan wujud kerana kekurangan peruntukan dan sebaliknya kerana terlalu banyak peruntukan.

Kedua, kalau kita tinjau semula sebahagian daripada peruntukan supplementary yang kita akan luluskan ini didapati bahawa sebahagian daripada peruntukan itu telah digunakan untuk mewujudkan institusi-institusi ataupun badan-badan tertentu, misalnya, Badan Berkanun dan juga Lembaga-lembaga baru di dalam beberapa Kementerian, dan dalam perkara ini ingin saya mengatakan rasa tidak puas hati.

Yang pertama, ada didapati bahawa peruntukan yang telah diberikan untuk mewujudkan organisasi tadi digunakan untuk penubuhan bureaucracy yang bertingkat-tingkat. Maksud saya ialah sebahagian besar, kalau tidak semuanya daripada perbelanjaan yang telah diberikan itu telah digunakan semata-mata untuk mewujudkan tingkat bureaucracy ataupun mewujudkan pengurusan pentadbiran yang kalau dianalisa dengan sedalam-dalamnya tidak sewajarnya dibuat. Dan juga didapati ada di antara organisasi yang telah diwujudkan ini telah

timbul tanpa dibuat kajian yang teliti, khususnya kajian mendalam tentang kesesuaian sesuatu organisasi baru itu, misalnya, launching grant sahaja diberi berjuta-juta ringgit melalui supplementary expenditure tadi tanpa dibuat analisa yang mendalam tentang kesan dan faedahnya di masa akan datang. Jadi berkaitan dengan perkara ini, inginalah saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan satu sistem penilaian iaitu penilaian on going ataupun yang berjalan sentiasa dari masa ke semasa untuk meninjau, khususnya kos dan faedah perbelanjaan-perbelanjaan yang kita beri, samada perbelanjaan asal ataupun perbelanjaan supplementary kepada mana-mana badan iaitu dengan tujuan supaya dapat Kerajaan menentukan keutamaan atau priorities yang betul tentang jumlah-jumlah perbelanjaan yang hendak diberi kepada mana-mana jabatan atau Kementerian supaya tidak berlaku ketidak-seimbangan seperti yang saya katakan tadi.

Juga supaya dapat kita elakkan apa yang telah berlaku iaitu mengelakkan supaya perbelanjaan yang telah dibuat itu tidak hanya pergi kepada menguruskan (service) badan atau organisasi itu dengan perbelanjaan itu lebih besar daripada faedah yang akan terbit daripada khidmat yang diberi oleh organisasi, dan ini saya rasa perlu dibuat kerana sekarang Kerajaan yang mana kita tahu adalah menghadapi zaman ketat (tight situation) di mana perbelanjaan wang perlu diperjimatkan. Jadi haruslah kita perbetulkan system of priorities dan tidaklah, misalnya, membuat peruntukan-peruntukan yang diluluskan iaitu peruntukan supplementary yang berjuta-juta ringgit, semata-mata kerana kita hendak menubuhkan satu organisasi dari semasa ke semasa secara *ad hoc* atau secara tergesa-gesa. Saya harap juga bahawa Kerajaan dalam masa akan datang akan mengarahkan jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian mengadakan rancangan meminta peruntukan jangka yang lebih panjang dengan alasan-alasan konkrit; iaitu tidaklah mewujudkan projek dengan notis 3-4 bulan. kemudian meminta peruntukan supplementary berjumlah \$2-3 juta tanpa mengkaji samada faedah sosial atau ekonomik yang diterima kemudiannya akan melebihi perbelanjaan tadi.

4.38 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana wangnya telahpun dibelanjakan, kalau kita tidak lulus pun telahpun dibelanjakan. Jadi, tidak ada masalah yang hendak disekat daripada benda yang telah dibelanjakan. Cuma saya hendak bercakap di bawah perkara yang ada berkaitan dengan tiga Kementerian, iaitu Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam, Kementerian Tanah dan Galian dan Perbendaharaan sendiri. Saya rasa perkara yang saya hendak bercakap ini, ketiga-tiga Kementerian ini ada hubungannya dengan apa yang saya hendak cakapkan, iaitu saya hendak bercakap berkenaan dengan perbadanan yang dipanggilkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini satu perbadanan awam yang sepatutnya duduk di bawah Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam dan juga Perbadanan Awam yang seumpama ini biasanya mempunyai wakil Treasury ataupun Perbendaharaan di dalam Jawatankuasa atau di dalam Lembaga seumpamanya. Saya faham Lembaga-lembaga Perbadanan Awam ini mempunyai wakil daripada Perbendaharaan, selain daripada wakil Kementerian yang berkenaan dengan Perbadanan Awam itu.

Saya baru terima Lapuran Tahunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1972—hari ini kita sudah masuk dalam tahun 1975, penyata yang dikeluarkannya ialah bagi tahun 1972. Jadi bermakna lapuran bagi tahun 1973 dan 1974 berjumlah kita tahu apa yang berlaku di dalam Tabung Haji itu. Adakah Tabung Haji ini berjalan dengan baik atau adakah Tabung Haji ini satu perbadanan yang boleh kita meletakkan harapan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang berkaitan dengan kehendak-kehendak orang-orang Islam di seluruh Malaysia ini.

Daripada Penyata Lapuran Tahunan, 1972 ini, saya ragu-ragu kerana saya rasa patutlah wakil Perbendaharaan yang ada dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ataupun wakil daripada Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam mengkaji Penyata Tahunan, 1972 ini. Daripada Penyata Tahunan, 1972 ini, benarkan saya bacakan di sini tentang berbagai-bagai perkara yang telah dinyatakan oleh Juru Odit Negara kita, satu penyata yang menunjukkan Perbadanan ini

tidak berjalan dengan begitu memuaskan kerana daripada Penyata Odit ini ada dinyatakan:

11. Sebanyak \$6,228,037.88 (Saudi Riyal 9,219,973.50) telah dikirimkan oleh Lembaga kepada cawangan Lembaga di Mekah dalam tahun 1972 untuk menunaikan waran yang dikeluarkan kepada bakal-bakal Haji. Kira-kira pendahuluan ini telah dikreditkan dengan sebanyak \$5,887,851.44. Saya belum melihat penyata atau senarai menunjukkan bayaran Waran Haji kepada Ahli-ahli Lembaga di Mekah dan oleh yang demikian, saya tidak dapat memastikan kebetulan jumlah \$5,887,851.44 dan baki sebanyak \$340,186.44 dalam kira-kira ini.

Juru Odit Negara tidak boleh mengesahkan wang sebanyak \$5,887,851.44 yang dihantar ke Mekah ini dengan kerana tidak ada kenyataan-kenyataan bayaran. Ini adalah satu jumlah yang sangat besar yang patut menjadi perhatian yang berat oleh pihak yang berkuasa.

Selain daripada itu, saya rasa keseluruhan Penyata ini menunjukkan satu keadaan yang tidak terkawal telah berlaku dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Saya suka bacakan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua:

13. lejer Cawangan Akaun dengan lejer kawalan di Bahagian Mesin berbeza dengan sejumlah \$335,016.69 pada 31hb Disember, 1972. Adalah disyorkan bahawa tindakan sewajarnya perlu diambil untuk mengatasi perkara ini.

Ini perkataan dari Juru Odit Negara dalam tahun 1972; 1973 kita tidak dapat dengar lagi apa khabarnya; tahun 1974 kita tidak dapat melihat Penyatanya dan apa yang akan berlaku dalam tahun 1975 dan seterusnya saya pun tidaklah dapat menyatakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perenggan daripada Lapuran Juru Odit Negara ini menyatakan:

5. Saya belum lagi melihat geran-geran atas tanah yang dibeli dengan harga \$10,196.04 di Kangar, Perlis dan tanah yang dibeli dengan harga \$12,568 di Kelang, Selangor dalam tahun 1971.

Beli harta, Juru Odit Negara tidak dapat melihat, adakah harta ini mempunyai geran tanah ataupun wang yang seumpama ini benar telah dibeli, apa bukti-bukti pembeliannya, tidak dapat dilihat oleh Juru Odit

Negara kita. Dan Perbadanan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini telah menubuhkan sebuah perbadanan yang di panggil Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji—ada sebuah perbadanan. Maknanya Lembaga telah tubuhkan satu perbadanan lain yang dinamakan Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji. Perbadanan ini terhutang kepada Lembaga yang berbunyi. "Jumlah hutang Perbadanan kepada Lembaga berjumlah \$154,395.68 pada akhir tahun 1972 merupakan barang-barang bernilai \$25,658.95". Beratus ribu ringgit Perbadanan ini mengambil wang daripada Lembaga. Saya tidak mengerti bagaimana cara pentadbiran dan cara kawalan kira-kira di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji ini adalah sebuah badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjadikan sebuah badan amanah daripada orang-orang Islam, orang-orang Melayu kita di seluruh Malaysia. Tiap-tiap orang yang menyimpan wang di dalam Tabung Haji dengan dua harapan:

- (i) supaya mereka dapat menunaikan fardhu Haji;
- (ii) supaya mereka dapat melaburkan di dalam kemajuan perusahaan di dalam negara kita.

Kalau pentadbiran yang seumpama ini berlaku dalam Lembaga Tabung Urusan dan Tabung Haji ini, saya rasa perlu Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan serta-merta ataupun satu tindakan yang bersungguh-sungguh mesti diperbuat mengenai perbadanan yang seumpama ini. Kalau kita biarkan sebuah perbadanan awam yang seumpama ini melakukan kecuaihan dalam pentadbiran kewangan, maka perbadanan lain juga akan mengikuti kiranya tindakan-tindakan yang sewajarnya tidak diambil.

Saya rasa Perbadanan Awam ini ada kaitannya dengan Kerajaan kita khususnya dengan Perbendaharaan. Kalau Perbadanan Awam itu dapat kesusahan maka mereka akan mencari Perbendaharaan dan Perbendaharaanlah yang akan memberi pertolongan kalau dikehendaki pertolongan kewangan dan sebagainya. Jadi mustahaklah saya rasa waima dengan cara ditubuhkan satu kumpulan yang boleh mengawasi, daripada Perbendaharaan ataupun daripada Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam ini. Adakah

satu kumpulan pekerja, satu team pakar-pakar ataupun satu team orang-orang yang tahu menjalankan tugas pekerjaan dalam kewangan, dalam kira-kira dan sebagainya supaya kumpulan ini boleh menjalankan tugasnya menyelidik, menyasat, menasihati, mengatur dan menyusun apa juga perkara yang tidak baik dilakukan di dalam Perbadanan-perbadanan Awam ini. Kalau sekiranya kita tidak adakan satu team yang boleh berjalan daripada satu badan ke satu badan awam yang seumpama ini, maka perbadanan Awam itu akan menjadi bebas, bebas untuk menjalankan tugas dengan tidak ada pengawasan. Inilah perkara yang besar yang patut diambil perhatian dan diambil tindakan segera oleh pihak Kerajaan.

Saya tidak bercadang hendak bercakap dalam perbadanan-perbadanan yang lain, kerana saya tidak mengetahui bagaimana perjalanan kewangan dalam perbadanan-perbadanan lain, tetapi saya rasa perlu satu-satu Perbadanan Awam itu mengeluarkan penyata pada tahun yang tepat. Umpamanya, kalau kita sudah masuk pada tahun 1975 maka sepatutnyalah Penyata Tahunan 1974 itu mestilah sampai kepada Ahli-ahli Parlimen ini supaya Ahli-ahli Parlimen ini boleh membaca, boleh meneliti kemajuan perjalanannya dan supaya Ahli Parlimen boleh mengeluarkan fikiran, apa yang baik dan apa yang tidak baik, hasil daripada bacaan Penyata-penyata yang dikeluarkan oleh perbadanan-perbadanan ini, sebab kita Ahli-ahli Parlimen bukanlah orang yang boleh pergi daripada satu badan kepada satu badan untuk menyasat, untuk mengambil tahu perjalanan Perbadanan-perbadanan Awam ini ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Apa yang kita dapat keterangan ialah daripada laporan, daripada laporan-laporan yang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun dan laporan-laporan yang diberi oleh Menteri-menteri dalam Parlimen yang bersidang itu. Kalau sekiranya kita hendak pergi daripada satu Jabatan ke satu Jabatan untuk menyasat dan menyelidik tentulah perkara ini menimbulkan kekacauan, salah faham di antara Ahli Parlimen dengan Jabatan-jabatan dan Perbadanan-perbadanan Awam. Jadi, saya rasa perlu Menteri yang berkenaan menyegerakan pindaan supaya penyata bagi Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini bagi tahun 1973 dan 1974 akan dapat disampaikan kepada Parlimen ini sebelum kita bersidang bagi persidangan Belanjawan masa

hadapan ini. Kalau kita tidak dapat melihat Penyata-penyata ini bagaimanakah kita hendak debate, hendak berbahas dalam masalah Perbadanan-perbadanan Awam bagi Belanjawan tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.34 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan pada petang semalam. Saya akan bercakap hanya dalam satu dua perkara sahaja yang saya rasa belum disentuh oleh rakan-rakan saya yang terdahulu daripada ini.

Yang pertama sekali, saya hendak bercakap berhubung dengan FELDA, iaitu perbadanan yang ada di bawah Kementerian Tanah dan Galian.

Pada akhir tahun yang lepas kita semua dalam Malaysia ini kagum membaca berita-berita dalam akhbar bagaimana tingginya pendapatan yang diperolehi oleh peserta-peserta FELDA. Ada yang meningkat sampai lebih daripada \$1,500 sebulan bagi seorang peserta, yang hampir \$2,000 pun ada dan dengan kerana kemewahan-kemewahan ini iaitu bersabit dengan kenaikan harga kelapa sawit di pasaran dunia, dan barangkali dengan kerana sudah terlampau baik dari pihak pentadbir-pentadbir di Jabatan FELDA itu mereka telah membuat bayaran-bayaran yang begitu besar kepada peserta-peserta dan kebetulan pula peserta-peserta ini kebanyakannya datang daripada luar-luar bandar yang setengah-setengah daripadanya asalnya ialah penangkap-penangkap ikan, peladang-peladang dan pekerja-pekerja kampung. Jadi, mereka tidak biasa memegang jumlah wang yang banyak dalam satu masa, maka mereka telah lupa daratan.

Setengah-setengahnya menghabiskan wang mereka itu dengan membeli barang-barang yang sia-sia, yang tidak begitu penting kepada penghidupan mereka pada masa depan.

Apa yang saya ketahui dalam satu dua rancangan di Trengganu sendiri satu daripada rancangan itu dalam masa dua tiga bulan kemewahan yang saya sebutkan tadi, tiga suku daripada peserta-pesertanya memiliki motosikal, dan barangkali bolehlah saya katakan hampir 30% memiliki kereta. Penjual-penjual kereta terutama sekali kereta second-hand masa itu menjadi sebagai hari raya bagi mereka, kerana didatangi oleh peserta-peserta rancangan FELDA ini. Tetapi pada hari ini malang telah menimpa kepada mereka. Kereta-kereta yang saya sebutkan tadi pada hari ini, daripada jumlah yang saya sebutkan tadi tidak pun sampai 10% yang tinggal kebanyakannya telah ditarik balik oleh penjual-penjualnya, kerana sudah tidak bayar ansuran bulanan dan setengah-setengahnya dijual semula kalau mereka telah bayar habis.

Pada hari ini kita bolehlah mendengar kembali sungutan-sungutan daripada peserta-peserta itu, tidak puas hati pula terhadap pentadbiran FELDA kerana kata mereka bayaran sekarang tidak cukup dibuat dan macam-macam lagi. Apa yang saya maksudkan di sini ialah saya rasa kalau pihak FELDA itu menjalankan pentadbirannya dengan lebih teliti iaitu pada masa kemewahan itu tidak diberi menghabsi faedah-faedah yang didapati daripada hasil jualan buah-buah kelapa sawit itu. Kalau disimpan sebahagian daripadanya untuk hari depan mereka, mungkinlah kesusahan ataupun penderitaan yang sedang menimpa mereka pada hari ini tidak akan berlaku. Pada hari ini pendapatan peserta-peserta sangat jauh kalau hendak dibandingkan daripada masa dahulu, mereka biasa dapat lebih daripada \$1,000 sebulan, sekarang tidak pun sampai \$300, ada kadang-kadangnya tidak sampai \$200 sebulan tentulah mereka merasa sangat sedikit, tidak dapat hendak menampung keperluan harian mereka.

Perkara yang seumpama ini adalah merugikan kepada orang kita sendiri. Walaupun barangkali kita mengatakan dahulu pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab, kerana telah memberi semua keuntungan-keuntungan yang didapati kepada mereka, itu kesalahan mereka sendiri. Maka saya rasa kita sebagai

sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab tentulah tidak boleh berlepas tangan demikian, kita mestilah mengambil perhatian untuk membimbing mereka itu supaya dapat membela penghidupan mereka, terutama sekali bagi anak cucu mereka pada masa yang akan datang.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh berkaitan dengan FELDA ini ialah berhubung dengan perkara Orkes Al-Watan yang semalam ada disoal oleh seorang rakan saya dan saya pun ada tumpang tui sama semalam. Saya rasa pembawaan masuk Orkes Al-Watan daripada Indonesia ini adalah satu perbuatan yang membazir. Walaupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan semalam telah menerangkan, dibawa orkes itu dan memberi pertunjukan percuma kepada peserta-peserta FELDA kerana dalam orkes itu ada unsur-unsur keugamaan. Saya tidak menafikan berkenaan dengan unsur itu, tetapi apa yang saya maksudkan bukan hanya Orkes Al-Watan sahaja yang boleh memasukkan saringan-saringan unsur-unsur keugamaan itu dalam pertunjukan mereka. Di negara kita ini tidak kurang kumpulan-kumpulan seni yang mempunyai permainan-permainan yang berunsur keugamaan ini, seumpama pasukan Seruan Suci yang ada di sini, tidak jauh, di negeri Selangor ini dan juga ada lagi pasukan-pasukan lain yang saya tidak tahu namanya yang selalu kita dengar dalam siaran-siaran radio. Kalau pihak Kementerian yang berkenaan mengambil kumpulan-kumpulan dalam negeri ini, maka pembayaran ataupun perbelanjaan yang lebih daripada \$30,000 yang disebutkan semalam itu akan dapat diselamatkan.

Yang kedua, pihak Ahli-ahli Kumpulan Seni Musik dalam negara kita ini sendiri akan dapat hasilnya dan juga akan menjadi satu galakan kepada mereka untuk menambah lagi atau menimbulkan bakat-bakat mereka dalam lapangan ini. Masaalahnya barangkali kebanyakan peserta-peserta musik ini ada terikat dengan pekerjaan masing-masing, ini tidak menjadi hal oleh kerana tempatnya dekat, sama-sama dalam negeri kita, carilah masa-masa yang terluang satu-dua hari di sana, kemudian balik bekerja. Kemudian minggu lain di tempat lain pula pasukan itu dihantar. Dengan jalan yang demikian akan dapatlah kita atasi masaalah-masaalah kerja-kerja mereka di Jabatan Kerajaan atau sebagainya. Apa yang saya

maksudkan, yang eloknyanya kalau Kementerian ini hendak adakan lagi pertunjukan-pertunjukan seumpama ini ambillah kumpulan-kumpulan musik ataupun seni musik ini daripada kumpulan-kumpulan tempatan sendiri kerana selain daripada kita dapat menyelamatkan perbelanjaan, kita juga dapat memperkenalkan bakat-bakat seni suara atau seni musik ini di kalangan orang kita sendiri yang akan disanjung oleh orang-orang kita sendiri, tidaklah mereka bila kenal-kenal sahaja dalam rancangan-rancangan itu yang mereka tahu pasukan ini datang dari Indonesia. Mereka akan memikirkan barangkali kita di Malaysia ini tidak ada orang-orang yang berkebolehan dalam lapangan ini. Kita biarkanlah pembawaan masuk kumpulan-kumpulan daripada Indonesia itu kepada pihak-pihak swasta yang mencari keuntungan, biarkan kepada pihak yang hendak mencari derma dan sebagainya yang mereka bayar dan mereka adakan pertunjukan dengan mengenakan bayaran. Oleh kerana Kementerian ini buat dengan percuma, saya rasa apa juga pertunjukan yang kita berikan akan dapat sambutan, insya Allah tidak akan susah kerana apa juga benda yang free itu memang bagus kepada sesiapa sekalipun.

Saya bercakap ini bukanlah dengan tujuan kerana hendak mengecam semata-mata, tidak, ini sebagai satu pandangan. Pada masa akan datang ini kalau hendak buat lagi saya harap ambillah kumpulan-kumpulan tempatan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan Kementerian Penyelidikan Perbadanan Awam. Semenjak Kerajaan kita mengisytiharkan Rancangan Ekonomi Baru, minat di kalangan bumiputra untuk memasuki dan mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan dan perusahaan telah meluap-luap dan berkubar-kubar, di sana-sini tumbuh syarikat itu, kompeni ini ataupun berbagai-bagai lagi kumpulan-kumpulan perniagaan bumiputra. Lebih-lebih lagi mereka dapat galakan yang bersempurna-sungguh daripada pihak Kerajaan melalui badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Dan dengan kerana semangat yang meluap-luap ini untuk menyambut seruan Kerajaan, maka timbullah perasaan-perasaan cemburu, perasaan-perasaan kebimbangan takut badan-badan yang ditugaskan oleh Kerajaan tadi gagal dalam menjalankan tugas. Maka daripada timbul

perasaan cemburu inilah, kita dengar setengah-setengah kecaman-kecaman kadang-kadang oleh kerana terlajak panas sangat timbul pula tuduhan-tuduhan terhadap badan-badan ini. Maka saya harap kepada Kementerian yang berkenaan dan juga kepada badan-badan yang berkenaan, janglah sekali-kali mengangap kecaman-kecaman ataupun teguran-teguran yang ditimbulkan oleh kalangan bumiputra, samada daripada ahli-ahli politik ataupun ahli-ahli perniagaan tulin, bukan sekali-kali mereka itu mengecam bererti benci kepada badan itu ataupun iri hati kepada badan itu—tidak. Ini bermakna tanda yang mereka kasih dan sayang kepada badan-badan itu, takut mereka ini terpelecek ataupun terseleweng. Kita ibaratkan kalau kita ada seorang isteri yang cantik oleh kerana sayangnya kepada isteri kita, katalah, satu hari satu kali isteri kita pakai gincu make-up dan sebagainya hendak berjalan, kitapun marah. Hai! ke mana Minah berlawa-lawa sangat hendak pergi cari chance atau apa? Itu maknanya bukan kerana kita bencikan dia, tetapi kerana kita sayang takut dia terlepas kepada orang lain. Begitu juga misalnya kecaman yang ditimbulkan oleh setengah-setengah kalangan bumiputra terhadap badan-badan yang saya maksudkan tadi.

Sebenarnya, badan-badan itu telah menjalankan tugasnya dengan baik, kita sanjung tinggi, kita angkat topi, tetapi dalam kalangan yang begitu ramai atau pegawai-pegawai yang begitu banyak, tentulah ada satu dua yang tidak dapat menjalankan tugasnya dengan betul atau dengan baik. Ada juga satu dua orang menjalankan penyelewengan-penyelewengan. Itu perkara biasa berlaku di mana-mana, samada dalam badan-badan berkanun ataupun syarikat-syarikat asing atau juga dalam Kerajaan.

Dalam banyak-banyak mesti ada yang hitam atau buruk, tetapi bukan bererti semua, kadang-kadang 90% itu baik 10% sahaja buruk. Maka orang ramai selalu memandang kepada yang buruk sahaja itu sebab ditimbulkan, yang baik kurang ditimbulkan. Jadi, itulah yang saya katakan tadi, saya harap kecaman-kecaman yang diberikan itu akan menjadi sebagai satu pendorong yang lebih kuat kepada badan-badan ini menjalankan tugasnya. Saya akui

badan-badan ini telah menjalankan tugasnya dengan baik, tidak payah saya sebutkan di sini kita sama-sama dapat melihatnya.

Sekarang saya juga suka hendak menyetujui sedikit berkenaan dengan cara perjalanannya yang dijalankan oleh LPN pada hari ini berhubung dengan beras. Saya masih berpendapat kita perlu menghendaki beras yang banyak dalam negeri ini dan saya menyokong penuh tindakan Kerajaan tidak membenarkan beras kita di bawa keluar negeri lagi. Tetapi saya suka kalau boleh pihak yang berkenaan memejamkan mata kepada beras-beras yang masuk seberapa banyak yang boleh. Biarlah hendak buat statement kata Kerajaan hendak tahan, hendak tangkap orang bawa masuk beras daripada Thailand, buatlah 10 kali tiap-tiap hari pun tidak apa, tetapi kalau boleh jangan ditangkap supaya beras banyak dalam negeri kita dan dengan jalan itu beras akan menjadi murah. Pengguna lebih ramai daripada penanam. Kita ada mempunyai rakyat 10 juta, barangkali yang menjadi penanam padi saya fikir tidak tahulah berapa banyak, barangkali 1 million. Ini bukanlah bererti kita hendak paksa harga padi itu murah hingga menyusahkan penanam-penanam, tetapi kita mestilah mementingkan terutama sekali kepada pengguna-pengguna dahulu. Kalau nampaknya mereka susah kerana harga padi murah Kerajaan mesti beri subsidi kepada mereka, kita tidak menghalang, kita menyokong, masalah duit kita boleh pinjam lagi. Apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah sekarang sebagaimana saya katakan semalam, pihak Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengenakan satu syarat, bila hendak memindahkan beras, saya misalkanlah daripada Kota Bharu hendak bawa ke Kuantan atau ke mana-mana disyaratkan kalau 200 beg iaitu 200 guni hendak dipindahkan, maka pihak Lembaga Padi dan Beras Negara menetapkan hanya 100 beg sahaja boleh dibeli daripada pihak swasta, 100 beg lagi mesti dibeli daripada Lembaga Padi dan Beras Negara sendiri yang harganya lebih mahal daripada yang kita beli di luar. Dan dengan kerana beli lebih mahal itu sedangkan di tempat yang dipindahkan tadi, yang kita beli di luar kita boleh jual, dapat untung misalnya \$5 satu beg, tetapi yang dibeli daripada Lembaga Padi dan Beras Negara tadi pihak penjual akan rugi \$2—\$3 satu beg. Ini yang berlaku

pada hari ini iaitu yang dibeli daripada Lembaga bila dijual mesti rugi kerana harga pasaran rendah. Inilah yang menjadi sungutan kepada perniagaan-perniagaan kita. Kalau dipaksa beli daripada Lembaga kemudian boleh jual di luar dapat balik harga itu dan tidak menanggung kerugian tidak apa; itu boleh diterima tetapi yang susahnyanya rugi, setengah-tengahnya sampai rugi \$10 satu beg.

Satu lagi saya hendak terangkan di Trengganu bahawa pihak Lembaga Padi dan Beras Negara menentukan mesti dibeli 50% tadi kena pula beras itu tidak baik iaitu beras Pakistan. Saya suka menyebutkan kepada Yang Berhormat Menteri, beras Pakistan ini barangkali silap orang Lembaga Padi dan Beras Negara beli kerana sangat buruk. Kalau kita hendak jual kepada orang di Kuala Lumpur ini, mungkin orang Kuala Lumpur beri untuk makanan haiwan. Inilah yang dipaksakan bila hendak beli beras mesti ambil sama beras Pakistan kalau tidak, tidak boleh, ini berlaku di Trengganu. Beras Pakistan ini bila dibeli, kalau yang lain satu hari 10 guni boleh orang jual, beras Pakistan seguni pun tidak boleh habis kerana orang-orang tidak mahu. Jadi, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian biarlah beras Pakistan itu pihak Lembaga Padi dan Beras Negara right-off sebagai rugi dan beri percuma kepada petani-petani beri makan ayam itu lagi baik itu satu faedah juga kepada orang yang susah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong ringkaskan ucapan kerana sudah 15 minit Datuk berucap.

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Baiklah saya ringkaskan. Sekarang saya hendak bercakap satu sahaja lagi perkara. Tadi saya telah sebutkan peniaga-peniaga Melayu sekarang sudah berlumba-lumba mengambil bahagian dalam perniagaan. Selain daripada badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menolong mereka ini dari segi kewangan; dahulu ada MARA, sekarang Bank Pembangunan yang baharu-baharu ini ditubuhkan dan juga CGC. Tetapi satu sahaja saya hendak minta berhubung dengan MARA ini, MARA telah menjalankan tugasnya dengan baik selama ini sejak Kerajaan memberi tugas-tugasnya untuk membantu bumiputera

dalam perniagaan, walaupun ada juga setengah-setengah rancangan terpaksa menghadapi kerugian, itu perkara biasalah, kerana berniaga saya rasa memang ada untung dan rugi.

Bagi setengah-setengah peniaga-peniaga Melayu, terutama sekali pemborong-pemborong, MARA inilah yang mereka sentiasa menaruh harapan yang tinggi dan sentiasa menjadi pandangan sebagai "buoy" to put their hope in untuk dia hadapi dalam masa menempuhi jalan-jalan buntu untuk mendapatkan tender-tender dan menjalankan tender-tender itu dari segi kewangan. Tetapi malangnya, sekarang sejak dua tiga bulan ini, apa yang saya tahu MARA telahpun menukar polisinya dengan arahan. Bukan MARA mahu, tetapi dengan arahan, iaitu tidak lagi memberi pinjaman kepada mana-mana juga golongan peniaga-peniaga bumiputra samada pemborong ataupun peniaga kecil yang melebihi daripada \$10,000; di bawah \$10,000 sahaja yang boleh diberi sedangkan Yang Berhormat Menteri sendiri pun sedar perniagaan sekarang ini kalau \$10,000 apalah yang hendak diperniagakan. Apa yang hendak dibuat dengan \$10,000 ini? Tidak ada bendanya, melainkan untuk menjadi peraih, peruncit itu bolehlah. Kita tentu tidak mahu selama-lamanya orang bumiputra itu menjadi peruncit atau peraih sahaja, kita mahu juga mereka itu menjadi peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha ataupun pemborong-pemborong yang besar. Tetapi dengan kerana tidak ada lagi peluang ini, maka menjadi satu kesusahan juga kepada mereka. Saya merayulah pada masa yang singkat ini kalau boleh dipertimbangkan semula peruntukan kepada MARA untuk pinjaman setengah-setengah bahagian kepada peniaga-peniaga bumiputra.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tujukan kepada Perbendaharaan yang barangkali bertanggungjawab berkenaan dengan recruitment pegawai-pegawai. Saya tahu daripada perhubungan saya dengan setengah-setengah Jabatan-jabatan Kerajaan kekurangan pegawai ini terlalu banyak sangat. Setengah-setengah jabatan kerja-kerjanya bertambun-tambun, tetapi pegawai-pegawainya tidak cukup dan dengan kerana itu kerjanya tidak selesai, bercelerit-beret kata orang, maka timbullah kecaman dan aduan daripada pihak orang ramai. Mereka yang kena, pada hal kelewatan

kelewatan kerja yang mereka lakukan itu kadang-kadang bukan dengan sengaja, tetapi kerana tidak cukup kakitangan. Kadang-kadang, setengah-setengah dari jabatan itu mereka minta tetapi tidak dipedulikan oleh pihak Perbendaharaan. Inilah yang berlaku.

Saya beri contoh di Jabatan Pinjaman Perumahan. Jabatan Pinjaman Perumahan ini adalah sangat penting sekarang kerana dialah satu jabatan yang memberi pertolongan kepada pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai Kerajaan untuk mendapatkan rumah pada masa ini. Tiap-tiap hari bertambah permohonan, tiap-tiap bulan yang saya dapati daripada risik-risik yang saya tanya, tidak kurang daripada 400 permohonan sebulan, iaitu lebih kurang 5,000 setahun permohonan baharu yang diterima. Kalau beri pinjaman 15 tahun, bererti 15 tahun fail-fail itu mesti aktif sedangkan pegawainya tidak bertambah. Saya nampak di Jabatan ini pekerja-pekerjanya bekerja terlampau teruk. Jadi, eloklah, oleh kerana ianya berkenaan dengan pegawai-pegawai kita yang berkehendakkan rumah, patutlah diutamakan beri pegawai-pegawai kepada mereka. Sampai hari ini belum ada sungutan terhadap jabatan ini, kerana mereka bekerja dengan baik. Tetapi kalau lama-lama, kerana terlalu banyak kerja dan tidak cukup orang, barangkali dia akan jatuh sakit dan dengan sendirinya akan menerima kecaman-kecaman dan akhirnya menjadi sebagai Pejabat Tanah. Pejabat-pejabat Tanah sekarang sudah susah hendak diubati kerana sudah terlalu teruk dan tenat sakitnya. Satu-satu permohonan sampai dua tahun tidak boleh selesai. Saya harap di Pejabat-pejabat Tanah ini, saya minta adakanlah kotak-kotak pengaduan. Kerana ada juga setengah-setengah pegawainya tidak menjalankan tugas dengan betul. Setengah-setengah oranglah, bukan semua. Inilah sahaja ucapan saya.

4.25 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut memberi pandangan berkenaan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita iaitu yang dicetak sebagai Rang Undang-undang DR. 26/75.

Tuan Yang di-Pertua, betulkan saya, kalau saya silap. Pada pendapat saya Rang Undang-undang ini merupakan belanjawan kecil, iaitu mini-budget. Bolehlah saya bercakap di atas dasar sepanjang-panjang yang

saya boleh bercakap sekiranya diberi masa oleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya rasa, di bawah Peraturan Mesyuarat 43 (1) kita selalu melakukan banyak irrelevant dalam ucapan kita, bukan kerana Ahli-ahli kita mengambil masa untuk membuang begitu sahaja, tetapi timbul daripada Rang Undang-undang ini sendiri. Rang Undang-undang ini mencantumkan tiga Rang Undang-undang. Belanjawan Tambahan 1972, satu Rang Undang-undang; Belanjawan Tambahan 1973, satu Rang Undang-undang; Belanjawan Tambahan 1974, satu Rang Undang-undang. Saya tidak tahu apa dia untuk tahun 1975 itu, Supplementary Bill barangkali? Jadi, sekurang-kurangnya tiga Rang Undang-undang dimasukkan di dalam satu Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pihak Kerajaan cuba hendak menyelamatkan masa untuk kita membahaskan mini-budget ini dalam masa dua hari, kalau dibuat berasingan ertinya tiga hari dan Dewan kita ini akan bermesyuarat lebih panjang. Itu pun baik juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apakah dengan hendak menjaga masa itu, maka kita merangkumkan tiga Belanjawan Tambahan sehingga hendak membahaskan pun tidak boleh oleh kerana terlampau banyak, yang sudah belanja kita marah pada dia, dan kadangkala kita komen pada tahun ini duitnya sudah dibelanjakan pada tahun 1972, 1973 dan 1974 dan kita sekarang berada dalam tahun 1975. Bermakna sudah separuh tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara samalah dengan masalah Tabung Haji tadi, iaitu kita berada dalam 1975 dan penyatunya ada untuk tahun 1972. Saya tidak tahu apakah penyata ini compulsory, iaitu mesti dibentangkan dalam Dewan ini, kalau tidak mustahak dibentangkan mengikut Undang-undang, tidak payahlah dibentangkan, buat sakit hati sahaja untuk tahun 1972 kita bawa dalam tahun 1975. Tetapi kalau benda ini dikehendaki oleh Undang-undang supaya dibentangkan, ini kebiasaan yang tidak baik (very bad practice) cukup tidak baik, cerita tahun 1972, ertinya tiga zaman pemerintahan Malaysia, zaman Kerajaan Perikatan, zaman Kerajaan Campuran yang saya ada di dalamnya kemudian saya dibuang, (*Ketawa*) kemudian zaman Kerajaan Barisan Nasional. Tiga zaman, satu bill baru dikemukakan. Ini betul-betul silap mata. Saya rasa sahabat saya Timbalan Menteri tidak akan membenarkan Kerajaan membuat macam ini lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ini saya kaitkan dengan Jabatan Peguam Negara iaitu B. 38. Jabatan Peguam Negara hendakkan tambahan \$350,000 tentulah kerjanya banyak. Muka 3, B. 38, Jabatan Peguam Negara, \$350,000. Yang peliknya, di dalam Bil. DR. 34/75 di ketika Kerajaan mengemukakan satu akta bagi meminda Akta Mahkamah Rendah Tahun 1948, di bawah Huraian itu iaitu implikasi kewangan Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Rang Undang-undang ini langsung tidak ada kena duit, apa yang hendak kita buat, tidak payah tambah belanja. Tetapi di dalam Jabatan Peguam Negara ada minta tambahan. Jadi, memanglah di dalam Jabatan Peguam Negara, bukan bermakna duit itu mesti ditumpukan kepada bil, tetapi the whole department itu sendiri, atau Jabatan atau Kementerian itu sendiri. Ini pun satu cerita juga, iaitu dalam Bil ini katanya kita tidak payah minta wang rakyat satu sen pun. Di dalam tahun 1970 saya pun tidak tahu samada ia ada minta duit. Jangan-jangan dua tiga kali; yang minta duit itu apa dia dan yang tidak kena duit ini apa dia? Ini pun satu cerita teka-teki yang susah juga hendak kita menjawabnya melainkan oleh orang yang membuatnya sendiri, dia tahu apa yang dia hendak buat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam Jabatan Perdana Menteri Kepala B. 7; muka 3. Saya hendak ulang sedikit berkenaan dengan orkestra. Orkes Al-Watan yang dibawa untuk tujuan dakwah agama. Saya seperti appreciate, memang memuji satu-satu kesenian muzik. Saya sebagai orang lain juga mengenal satu-satu kesenian rohani, walaupun saya tidak boleh appreciate sebagaimana orang lain, namun in general—pada umumnya, saya juga turut appreciate. Tetapi hendak impot satu okestra untuk dakwah, ini satu perkara yang bersangkut-paut dengan dogmatic dan seriousness di dalam hidup, tidak ada compromise di dalam iktikad dan dalam dakwah juga rohaniah. Okestra ini amusement. Jadi, bagaimanakah kita hendak campurkan soal seronok-seronok dengan kesungguhan. Ini berlawanan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bercakap dari segi okestra ini samada untuk Islam atau tidak Islam, saya bercakap berkenaan dengan facts and dogma tidak boleh diseru secara okestra dan dengan cara amusement, ianya adalah berlawanan. Ini satu seriousness dan ini

perkara main-main. Jadi main-main dalam kepercayaan adalah satu cerita, kemudian impot juga main-main, kalau main-main dalam cerita pun satu hal juga, sudahlah buat kerja main-main, impot pun main-main lagi. Ini satu cerita yang barangkali Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu menggambarkan jiwanya begitu, itu saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah berkenaan dengan Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman yang mana di dalam Bil ini ada berkenaan dengan Mahkamah Rendah, dadah dan bermacam-macam lagi hukuman. Saya tidak hendak bercakap dalam isi Rang Undang-undang itu sendiri, tetapi saya hendak bercakap sikap Jabatan Kehakiman. Jabatan ini meminta hendak ditambahkan ataupun sudah dibelanjakan untuk dibayar sebanyak \$1,423,636. Ini kalau kita lagakan dengan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah sudah tentulah kita akan dapat jawapan daripada Kementerian yang berkenaan iaitu kerja kita bertambah banyak dan oleh kerana kerja bertambah banyak mungkin kejahatan bertambah banyak, sebab kalau kejahatan, maksiat dan criminal tidak banyak berlaku, crime tidak dilakukan, tentulah mahkamah ini tidak makin sibok, ataupun boleh jadi negara kita ini sudah pergi terlalu civilised, sedikit kesalahan pun maka Kerajaan mengambil tindakan, kedua-dua itu boleh jadi, tetapi saya tidak tahu which is which—yang mana satu saya tidak tahu, tetapi mungkin boleh jadi.

Tuan Yang di-Pertua, point yang hendak saya cakapkan di sini ialah tidak betul bagi saya apa yang dikatakan oleh Kerajaan iaitu kita terpaksa menambahkan kewangan kerana kerja kita bertapak ataupun backlog, sehingga kita terpaksa dalam satu Rang Undang-undang memberikan lebih luas kepada mejestrit ataupun President Sessions Court. Ini, Tuan Yang di-Pertua, membahaskan backlog, ataupun kerja-kerja yang bertapak atau kerja-kerja yang mesti ditambah daripada satu masa ke satu masa dalam Jabatan Kehakiman adalah menggambarkan kepada kita apa yang kita hadapi ataupun masalah (problem) yang kita hadapi ialah masalah pentadbiran, mengapa kita minta tambah lagi dengan hendak memberi kuasa lebih luas, sepatutnya kita mesti tambah kewangan untuk menambah pegawai, bukan untuk memberi kuasa yang lebih. Ini point yang saya tidak bersetuju dan kita hendak

memberi wang sampai \$11 million. Kalau kita fikir kerja-kerja ataupun kesalahan-kesalahan yang kita hadapi itu sama status atau tarafnya dan majestrit boleh melakukan within the jurisdiction maka kita tambah lagi bilangan majestrit, bukan kita beri kuasa kepadanya. Kalau kesalahan di negara kita ini berlaku lebih banyak dan crime itu meningkat dan jenis crime pun lebih tinggi lagi, maka kita "increase the number of judges", bukan kita beri kuasa luas kepadanya. Dengan demikian bererti yang majestrit kita tidak berguna, tidak boleh berkuasa lebih. Sekarang ini bila kerja banyak kita suruh dia bekerja lebih, padahal majestrit itu juga. Sepatutnya kalau volume kerja-kerja kita yang backlog itu tertinggal maka kita increase the number of magistrates dan kalau crime itu berlaku oleh kerana Kerajaan tidak pandai menjaga maka crime itu banyak berlaku, maka hendaklah increase the number of judges dan kita tidak payah lagi selalu-selalu minta wang-wang tambahan yang semacam ini kerana itu mengikut personal emoluments pada tiap-tiap tahun orang yang akan membaca pun sedap. Ini adalah satu-satu kerja yang saya fikir amatlah mustahak berkenaan dengan mini-budget yang kita hadap pada tiap-tiap tahun.

Akhirnya, saya suka hendak memberi pendapat saya, kerana pendapat saya ini adalah berlainan dalam Dewan ini dan saya seorang sahaja yang berlainan daripada orang lain. Cabinet kita sepatutnya membuat satu rancangan yang comprehensive yang memakan masa jarak yang lebih jauh lagi daripada kita meminta duit impromptu, kemudian tidak cukup kita kembalikan balik ke sini, dan terpulanglah kepada Menteri itu sendiri menyatakan bagaimana duit ini diminta dan sebab-sebabnya.

Saya boleh berpegang kepada satu kaedah untuk saya belajar dalam Dewan ini tetapi tidak ada. Misalnya, dalam Dewan Rakyat pada 15-7-75 Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara mengatakan bahawa: "Pindaan ini, Tuan Pengerusi, ialah untuk mengadakan seksyen 39 (b) Ordinan Dadah berbahaya, 1952 yang telah ditinggalkan dengan tidak sengaja pada masa menggubal Rang Undang-undang itu, dan apabila saya cek dengan teliti lagi sekali, saya dapati perkara ini tertinggal dan saya mohon maaf dan membawa pindaan ini sekarang." Yang tertinggal ini tahun 1952. Kerajaan sedar atas kesilapan ini pada tahun 1973

(selama 23 tahun), kalau anak perempuan, kita sudah dapat cucu, kalau budak lelaki, dia sudah boleh mengangkat senjata perang, baru Kerajaan terkejut, tertinggal katanya. Ini undang-undang, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita tertinggal satu benda yang tidak baik, rakyat sudah mengalami kesilapan yang kita tertinggal selama 20 tahun lebih, azab sengsaranya, buruknya, kita sedap sahaja, bila sampai 20 tahun kemudian, kita kata: "Hai! saya tertinggal hendak buat lain." Jadi kepala orang itu sudah teruk, rakyat sudah teruk yang dikenakan. Ini apa salahnya kalau kita mengaku pada tahun 1952 dahulu atau tahun 1962 dahulu memang Parlimen kita berjalan dari satu masa ke satu masa, daripada kurang kepada sempurna, daripada tidak baik kepada baik, kita mengakui kesilapan dan kelemahan kita. Jangan apabila silap sahaja maka dikatakan tertinggal. Jadi seolah-olah dahulu kita mengerti dan kita pandai, cuma kita tertinggal, mengaku apa salahnya. 10 tahun dahulu cara kita berfikir begini, 10 tahun kemudian circumstances sudah berubah lain, sepatutnya kita ubah. Jikalau dahulu kita sudah membuat silap, kita meminta maaf, bukan pada Dewan ini, tetapi pada rakyat yang menjadi mangsa dengan kesilapan itu, bukan pada Dewan ini, tetapi pada rakyat yang menjadi mangsa dengan kesilapan kita. Tetapi kita meminta maaf pada kedua-dua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru ini mereka pun tidak tahu, minta maaf fasal apa? Cek-cek tengok, tahun 1952 dahulu, siapa pun tidak tahu pada tahun 1952 dahulu, barangkali, Tuan Yang di-Pertua seorang sahaja yang menjadi ahli yang namanya Ubaidulla, beliau sahajalah yang menjadi Ahli Legislative Council dahulu, barangkali Tuan Yang di-Pertua ini kenal pada nama itu, orang ini sahaja yang ada dan yang lain ini semuanya selepas pada tahun 1952.

Saya boleh dikatakan masih kecil lagi. Bagaimana Dewan ini hendak memaafkan sedangkan kita tidak tahu. Ini, sepatutnya apa salahnya kalau Kerajaan mengaku kerana telah membuat silap dan saya rasa, mengaku kita membuat silap ini ialah satu perkara yang pride bagi manusia zaman modern ini kerana kita bukan lagi pada zaman Hercules.

Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh menunjukkan kesilapan saya, saya tabik dan saya salute dan saya mengakui yang saya itu silap—itu adalah lebih gentleman daripada

perkataan "saya tertinggal" dan kalau saya tanya pada Timbalan Menteri pula, mengapa tertinggal? Timbalan Menteri nanti berkata, saya mana tahu kerana pada tahun 1952 saya belum bekerja lagi. Ini kesemuanya, sikap mempermain-mainkan pada rakyat yang tidak sedar. Tetapi rakyat selalu mengingatkan bahawa pada tahun 1979, kalau ada pilihanraya Dewan ini akan berubah pada orang lain dan barangkali kerusi-kerusi di sini akan bertukar dan barangkali yang nombor satu itu, saya duduk di situ. (*Ketawa*).

5.44 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) ini dengan membuat komen atau teguran kepada beberapa bahagian Kementerian-kementerian yang berkenaan, tetapi malang sekali masa yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua itu hanya 12 minit sahaja walaupun 12 minit kami Ahli-ahli Dewan patuh bagi Ahli yang terakhir. Untuk saya jika agak terlebih 5 atau 10 minit, saya harap dengan jasa baik Tuan Yang di-Pertua, janganlah memberi amaran (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) ini nampaknya perbelanjaan untuk Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah bertambah perbelanjaannya maka peruntukan tambahan untuk memenuhi perbelanjaan ini melebihi itu sangat diperlukan iaitu seperti bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 di mana:

- (a) Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1974 nampaknya begitu tinggi dan ini biasa sahajalah lebih-lebih lagi kalau ia tahun pilihanraya demi untuk memancing undi maka perbelanjaan lebih dikeluarkan supaya boleh menunjukkan telah bertambah maju ataupun terlalu beres dan tidak cekap membuat peruntukan ketetapan ini;
- (b) Tetapi yang saya mahu sentuh peruntukan tambahan tahun 1975 yang lebih melibatkan masa sekarang ini terutama melibatkan beberapa Kementerian.

Kepala B. 13—Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Maka Kementerian ini adalah Kementerian yang

baru dan jelas membayangkan tekanan-tekanan yang tinggi oleh Kerajaan betapa pentingnya dengan penyelidikan sosio-ekonomi itu, maka satu Kementerian khas diwujudkan. Soal yang saya hendak mengemukakan, Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Sejauh manakah Kementerian ini telah menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi;
- (b) Setakat manakah penyelidikan berkaitan dengan sosial dapat mempengaruhi perancang-perancang yang hampir keseluruhannya terdiri dari ahli-ahli ekonomi dan sangat sedikit yang terdiri dari mereka yang berkekeluasan sosiologi;
- (c) Setakat mana ia betul-betul menjadi Kementerian yang khas menjalankan kerja sosio-ekonomi, walhal tiap-tiap Kementerian lain juga ada menjalankan kajian-kajian mereka yang terlibat di bawah tajuk sosio dan ekonomi adalah Kementerian itu mempunyai cukup pegawai-pegawai penyelidikan yang layak bagi menjalankan kerja-kerja yang besar dan berat ini.

Perkara ini bertambah besar dan berat kerana Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa, berbilang kebudayaan dan berbilang ugama maka kajian-kajian di dalam bidang tersebut rakyat penting sekali berdekatan dengannya. Oleh itu peruntukan bagi tahun 1975 ini patutlah menepati fungsinya sebagai perancang am dan penyelidikan tersebut dan tidak tinggal pada segi nama sahaja malahan peruntukan yang lebih besar baginya adalah amat perlu sekali memandangkan kajian di dalam bidang tersebut sangat sedikit dijalankan. Memandangkan kita sudah hampir 20 tahun sudah merdeka.

Kepala B. 17—Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar:

- (a) Ia memerlukan tambahan sebanyak \$8,746,000. Yang pentingnya Kementerian ini dimiliki oleh 3 orang taukeh yang besar: pertama Menteri dan 2 orang Timbalan Menteri. Ini juga membayangkan tekanan betapa pentingnya pertanian memainkan peranan di negara kita kerana nampaknya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak perlukah peruntukan tambahan bagi tahun 1975 ini;

(b) Soalan bagi Kementerian ini ialah:

- (i) Bersabit dengan Buku Hijau. Sejauh mana ia betul-betul memberi kesan kepada penduduk-penduduk di luar bandar;
- (ii) yang lebih penting sejauh mana, setakat mana dan apakah rancangan bagi menggalakkan orang-orang di luar bandar terlibat terutamanya di dalam pertanian lembu, kerbau, ayam, kambing dan sebagainya ataupun pembelaan ikan air tawar untuk kegunaan sendiri dan lebih ekonomi perkara tersebut.

Hal ini haruslah didapatkan agar lebih sesuai orang-orang di luar bandar membela dan menternak, kerana jelas pada orang-orang kampung di dalam masalah makan daging ini dapat kita sama-sama faham hanya setahun sekali ataupun pada hari-hari perayaan sahaja. Komplikasinya sangat buruk kerana kita tahu anak-anak yang sedang membesar memerlukan zat protein yang didatangkan dari daging dan ikan. Kalau daging dan ikan sekali-sekala sahaja untuk seluruh keluarga, maka kita dapat memikirkan dan dapat membuat gambaran pertumbuhan dan kesuburan kanak-kanak ini di luar bandar adalah terlalu lemah sekali. Teringat saya dengan apa yang diperjuangkan dan ditekankan oleh Allahyarham Dr Ungku Umar, di mana berkaitan dengan kesihatan orang-orang di luar bandar.

Susu, kita tahu di dalam perkara ini bertambah buruk lagi kiranya perbekalan susu, gula begitu tinggi harganya sekali dan keluarga di luar bandar cuma dapat sanggup membeli barang-barang ini sekadar terasa sahaja, tetapi minumannya sahaja pun bukanlah keperluan yang memberi kecukupan kepada mereka. Pokoknya di bawah rancangan Buku Hijau ini biarlah majority rakyat di luar bandar itu ada membela lembu, kambing, ayam, itek dan sebagainya. Dengan bilangan ternakan yang ekonomik itu tadi berlebihan untuk dimakan dan cukup pula untuk dijual dari segi ekonomi yang sesuai dengan masyarakat di luar bandar.

Satu perkara yang lain ialah tentang subsidi atau bantuan kepada petani-petani. Didapati di kalangan kakitangan Kerajaan juga di bidang swasta mereka diberi bonus

maka adalah juga sangat wajar bagi mereka secara keadilan yang sewajarnya kiranya petani-petani yang memainkan peranan yang begitu hebat yang tidak kurang pentingnya seperti juga kakitangan Kerajaan atau di bidang swasta alangkah baiknya setahun sekali diberi bonus kepada ketua-ketua keluarga petani itu diberi bonus dengan misalnya beberapa kampil baja sebagai bonus mengikut mana yang layak. Saya percaya mereka mesti membanyakkan hasil dari bonus yang diberikan itu dan yang penting kita telah mewujudkan keadilan, tidaklah mengelaskan masyarakat kepada yang diberi bonus dan yang tidak diberi dan dapat pihak Kerajaan memandang mana tenaga-tenaga yang memberi jasa yang begitu penting kepada kita atau tidaknya.

Kepala B. 23—Kementerian Pelajaran di mana peruntukan yang sudah ditentukan:

- (1) Jelas mengikut Kementerian Pelajaran baru-baru ini kadar keciciran murid-murid di luar bandar sudah kurang peratusnya sedikit. Ini adalah pertanda baik tetapi yang lebih penting dari itu ialah:
- (2) Ibubapa tidak akan begitu serious menghantar anak-anak menjadikan sekolah itu sebagai tempat untuk anak-anak mereka belajar.

Sebagai ibubapa yang bertanggungjawab kalau tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah itu sekalipun, tetapi apa yang baiknya di dalam perhatian soal ini alangkah baiknya soal keciciran atau tidaknya itu tidak timbul kiranya dijadikan undang-undang bahawa ibubapa itu dikenakan denda jika tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Saya tahu Menteri Pelajaran akan mengatakan hal ini susah hendak dijalankan di negara kita. Ini memerlukan peruntukan yang banyak atau itu dan sebagainya. Setakat yang ada inipun guru tidak cukup—yang dihebohkan guru tidak cukup, sedangkan apa yang saya tahu dan apa yang kita sama-sama mengalami hari ini cuma tidak mahu kita menyebut sahaja satu demi satu nama sekolah dan negerinya. Kalau soal guru ini banyak yang ada mempunyai kelulusan dan kebolehan, tetapi apa yang timbul ialah di waktu pemilihan menerima guru-guru untuk mengajar samada guru sekolah kebangsaan ataupun lebih-lebih lagi apa yang kita dengar sama-sama tadi ialah guru agama. Di mana

selalu kita dengar guru agama ini adalah tidak cukup dan tidak ada orangnya. Hari ini sahaja banyak orang yang berkelulusan sedang ternanti-nanti jawatan untuk mengajar sebagai guru agama, tetapi apa yang menyedihkan bila sampai pergi mengajar kepada pegawai yang hendak diinterview pilih kasih selalu berlaku. Ini masih banyak berlaku sehingga ada rungutan anak-anak yang sampai jadual waktunya hendak mempelajari agama tetapi gurunya tidak ada. Ini saya harap dapatlah perhatian pihak Kementerian yang berkenaan sampai bila pun tidak cukup perkara ini. Tetapi kalau Kerajaan bersungguh-sungguh mahu menghapuskan soal keciciran, maka jadikanlah undang-undang iaitu salah kalau kanak-kanak itu tidak disekolahkan, tidak timbullah berbagai kenyataan keciciran dan sebagainya. Lagipun masanya sudah sampai sekarang di mana ditimbangan dengan serious apa lagi banyak juga negara luar menganggap Malaysia ini sudah menjadi negara yang maju ataupun yang sedang membangun dengan cukup maju; yang lain dan penting ialah juga penyesuaian pelajaran yang diberi dengan kehendak-kehendak negara yang maju atau yang sedang membangun pesat ini. Hingga kini jelas keadaan yang menjadi tumpuan kepada pelajaran semata-mata akademi dengan dibandingkan dengan pelajaran vokesyenal dan teknikal atau pertanian adalah terlampau jauh bezanya, kalau kita membandingkan perkara ini.

Kita perlukan lebih banyak orang yang mahir di dalam negara kita, yang mahir di dalam bidang vokesyenal, teknikal, mekanikal, pertanian dan sebagainya tetapi kita keluarkan orang-orang dari bidang akademi sahaja yang berlipat ganda lebih banyak daripada apa yang saya sebutkan tadi. Adakah niat Kerajaan semua orang mahu masuk universiti? Bila masuk universiti, bila mereka bising, mereka dikatakan Akta ini tidak boleh dan Akta ini tidak boleh. Tetapi kalau tidak tuju ke universiti, mereka tidak akan dapat bekalan pelajaran, kemahiran maka inilah dilemma yang mesti dihadapi agar masa depan anak-anak kita dapatlah menghadapi masa yang lebih cerah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kementerian Pelajaran ini tadi maka yang penting gambaran terhadap kehidupan di bawah pemerintahan komunis di Malaysia mesti diberikan gambaran yang sejelas-jelasnya tidak sebagai propaganda memburuk-burukkan

mereka sahaja kerana kalau cara itu banyak cerita kebanyakan pemerintah komunis di negara komunis mereka dapat dengar propaganda kita, mereka tidak berkesan di jiwa rakyat. Satu perkara yang jelas untuk mengatasi ancaman ialah kegiatan-kegiatan dakwah kepada setiap ugama di Malaysia ini di samping dakwah Islamiah yang kita kembangkan hari ini mestilah diusahakan dengan mereka dapat mengecap nikmat-nikmat terhadap pembangunan insya Allah ancaman komunis akan bertambah kurang. Hanya sekian mengenai Kementerian Pelajaran.

Sambil menyokong Akta ini, saya pergi pula kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Di dalam masaalah urusan haji, saya akui walaupun dibangkitkan ada beberapa kelemahan tetapi saya akui kelemahan itu. Di antara kelemahan yang banyak itu maka tidak sunyi pula kebaikan-kebaikan yang telah dijalankan oleh Lembaga ini dengan memperkemas susunannya di antara apa yang saya fahamkan semalam ialah saya juga sebagai saudara saya Yang Berhormat. Kalau saudara saya Yang Berhormat pada tahun yang sudah baru balik dari haji, saya juga adalah cara kebetulan tahun itu juga saya berada di tanah suci dan menjadi sebagai pegawai sukarela dan selaku penasihat kepada jemaah-jemaah haji pada tahun tersebut. Tetapi apa yang saya dapati ialah:

(a) Pegawai-pegawai yang bertugas. Pegawai-pegawai yang bertugas di tanah suci sana yang dihantar oleh LUTH pada pandangan saya cukup memuaskan oleh kerana kalau kita memandang kita yang bertugas sebagai pegawai-pegawai Kerajaan di Malaysia tertentu jam dan waktunya dari pagi sampai jam 4.00 petang masing-masing bersedia naik motokar balik ke rumah. Tetapi pegawai-pegawai yang bertugas yang dihantar oleh LUTH ke tanah suci tidak ada time dan waktunya dari pagi sampailah jam 5.30 petang. Kemudian ada pula pegawai yang bertugas 24 jam sehingga talipon diangkat dari bawah bawa ke bilik tidur kerana Tuan Yang di-Pertua, talipon di Mekah sana berlainan dengan di Malaysia tidak boleh dipindahkan, tetapi talipon di tanah suci boleh pula dipindahkan. Kalau kita hendak pindahkan sahaja talipon itu hanya dicucuk wiranya boleh bawa ke bilik tidur. Demikian

tugas pegawai yang ronda atau mencari orang sesat dan pegawai yang menyelidik kematian, itu dari segi pegawai-pegawainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puan Hajjah sudah berucap 20 minit; berilah peluang kepada Ahli lain.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Maaf, sedikit lagi.

(b) Apabila kebakaran berlaku, LUTH dengan serta-merta menghantar bantuan mana yang ada kepada kita seperti sarah, kemudian dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, dengan segera menghantar wang dan kita juga pergi menghantar, saya sendiri yang membawa bersama-sama seorang kawan, menyampaikan bantuan kepada seorang demi seorang. Soal lambat itu kita maklumlah bila dapat berita kebakaran, masakan kita hendak beri bantuan dengan sewenangnya tentulah orang yang tak terlibat itu tak perlu diberi bantuan.

Akhirnya, masaalah sarah, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, kalau betul orang yang tak makan sadin atau sotong tin, memang dia kata tak baik, tetapi ada baiknya yang disediakan oleh LUTH iaitu gula 10 kati, beras, minyak dan kopi, sudah lengkap di dalamnya. Cuma untuk selera yang tak sesuai itu terserahlah kepada selera masing-masing.

Ini sahaja pandangan dan sokongan saya memberikan komen dan teguran. Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian sewajarnya di masa yang akan datang.

6.03 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini dengan memberi sedikit pandangan.

Perkara yang pertama, perumahan berharga murah. Berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, peruntukan dalam Jadual Kedua dan Ketiga hanya berjumlah \$570,031 sahaja tetapi Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa \$10 juta telah diperuntukan untuk rancangan perumahan

murah bagi kaum buruh maka \$10 juta ini ialah untuk permulaan dalam revolving fund sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kami sangat meraikan pengisytiharan ini dan menyeru supaya Kerajaan memberikan top priority dalam rancangan perumahan murah ini kepada negeri-negeri Pantai Timur, khususnya negeri Kelantan, oleh kerana Kelantan adalah sebuah negeri yang miskin dan kurang maju, dan pembangunannya telah ketinggalan di belakang selama 10 tahun. Oleh sebab kenaikan harga tanah dari semasa ke semasa dan masalah inflasi yang dihadapi lagi, maka ternyata rancangan ini tidak patut dilewatkan lagi. Negeri Kelantan sedang menghadapi kekurangan tanah untuk projek-projek pembangunan dan di dalam masalah tidak mencukupi wang bagi memperuntukkan tanah untuk rancangan ini Kerajaan Pusat haruslah membantu Kerajaan Kelantan supaya kesulitan tanah perumahan ini dapat diatasi khususnya di Bandar Kota Bharu.

Perkara yang kedua, jenayah kidnapping. Saya suka menarik perhatian Kerajaan Pusat bahawa jenayah kidnapping di negeri Kelantan boleh dikatakan pada tiap-tiap bulan berlaku. Pihak tentera dan pihak Polis adalah bekerjasama begitu kuat untuk mengawasi keselamatan dalam negara kita. Di sini kita ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka. Tetapi mereka tidak boleh berkawal di tiap-tiap tempat pada setiap masa. Sebab itulah rancangan Rukun Tetangga sangatlah penting diadakan dan akan membantu pihak Polis dan tentera menjaga keselamatan negara kita dengan sangat berkesan. Kita tidak syak lagi rakyat sekalian akan memberi sokongan dan kerjasama dengan sepenuh hati Rukun Tetangga ini. Kita sedar Rukun Tetangga ini akan dikuatkuasakan di bandar besar dahulu, di sini. Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat dapat dijalankan tindakan ini di negeri yang bersempadan dengan negeri Thailand khususnya di negeri Kelantan lebih awal lagi.

Perkara yang ketiga, Keretapi Tanah Melayu. Mengenai perkhidmatan keretapi, keadaan di Pantai Timur adalah kurang memuaskan. Coach-coach penumpang adalah buruk dan lama dan kebanyakannya harus dibaiki atau ditukar dengan coach yang moden atau baru. Dan juga rail yang digunakan sejak berpuluh tahun, dan ada tempat

yang sangat lama dan berbahaya dalam musim hujan jika keretapi itu berjalan dengan lebih biasa lajunya. Sungguhpun perkhidmatan Keretapi tidak mendapat keuntungan yang banyak jika dibandingkan dengan pengangkutan MAS, kereta-kereta, lori, bas, kapal dan lain-lain, tetapi ini bolehlah dikatakan sebagai "artery of the nation", dan Keretapi ini memberi perkhidmatan dengan bayaran yang murah sekali kepada rakyat sekalian, khususnya rakyat di Pantai Timur yang tidak begitu kaya. Saya harap langkah memodenkan perkhidmatan Keretapi, khususnya di Pantai Timur akan dikaji dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga oleh Kerajaan.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya memberi pandangan dalam Dewan yang mulia ini.

6.09 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya anggar dalam membahaskan Belanjawan Tambahan ini, saya hendak bercakap dalam dua jam, tetapi malangnya saya cuma dapat bercakap atas kehendak dan nasihat Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Saya juga memberi sokongan yang penuh atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dengan tujuan bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun-tahun yang tertentu.

Saya cuma hendak menarik perhatian dalam B. 7 Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri ini ada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Saya harap Majlis ini tolong perhatikan pembinaan masjid di dalam Wilayah Persekutuan yang sangat sesak dan digantikan dengan segera, terutama masjid Kampung Baru, Masjid Alam Shah yang penuh sesak ummat Islam hendak sembahyang. Kita lupakan masjid di luar bandar kerana hendak membesarkan masjid di kampung-kampung. Ini tugas Jabatan Perdana Menteri, tolong tambah atau buatlah masjid baru di kawasan Wilayah Persekutuan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam hendaklah memerhatikan keadaan umat Islam sekarang iaitu wanita-wanita Islam sudah pandai cantik, dia pergi murtad. Bila dia minta cerai dengan suaminya tak dapat, dia cari satu helah keluar daripada ugama Islam. Seorang suami telah datang berjumpa dengan saya: Yang Berhormat, inilah langkah isteri saya, bila dia minta cerai, saya tak mahu ceraikan, dia keluar daripada ugama Islam. Ini satu tanggungjawab yang berat kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dalam negeri ini supaya memerhatikan wanita-wanita yang telah terjerumus berani menukar ugamanya kepada ugama lain. Ini satu perkara yang betul. Saya harap Jabatan Perdana Menteri jangan hanya dengan dakwah-dakwah sahaja, tetapi mencegah merebaknya umat-umat Islam menukar kepada ugama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dengan ringkas dalam masalah PERNAS. PERNAS ini satu badan yang telah dapat menjalankan berbagai-bagai bidang perusahaan dan menyampaikan lunas Dasar Ekonomi Baru, di antaranya membeli saham syarikat-syarikat asing bagi menjayakan bahawa penyertaan Malaysia dalam membeli syarikat-syarikat asing dalam negeri ini dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat, tetapi saya minta supaya PERNAS melaksanakan penggunaan undang-undang yang mewajibkan syarikat-syarikat lombong dan ladang di seberang laut supaya berpusat di Malaysia. Ini sebagai satu tandatannya kepada orang-orang Malaysia, sebab pada masa sekarang syarikat ini berpusat di Singapura dan satu langkah yang tegas untuk menyatakan hujah saya ini bahawa baru-baru ini PERNAS telah membeli saham Haw Par International. Ini satu perkara yang bijak sampai kedudukan syarikat ini telah goyang dan tiga Pengarah Syarikat tersebut meletakkan jawatannya di England. Ini satu perkara yang saya berikan tahniah yang tinggi kepada PERNAS.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita menghadapi masalah inflasi kedudukan ekonomi dunia sekarang sedang buruk. Perdana Menteri telah mengarahkan supaya kita berbelanja atas perkara-perkara yang mustahak. Ini sangat baik, tetapi saya harap Perbendaharaan mesti membuat perhitungan dengan teliti, jangan menjejaskan atau mengendalakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Yang kedua, jangan menggagalkan Dasar Ekonomi Baru kepada matlamat hendak menjadikan 30% bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Yang ketiga, jangan mengurangkan peruntukan wang ini kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah membuat amalannya yang baik kepada negeri ini. Ini saya beri amaran kepada Perbendaharaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa masalah pertahanan, saya hendak bercakap sedikit sahaja. Kerajaan kena mengkaji balik kedudukan pertahanan kita samada dalam bidang laut, darat dan udara supaya sesuai dengan perkembangan baru di kawasan Tenggara Asia ini dan mengawasi dengan seberapa cermat dan teliti, jangan mendapatkan anggota-anggota pertahanan kita ini menjadi alat musuh negara. Peristiwa kebakaran di Kementerian Pertahanan baru-baru ini menyebabkan seorang pegawai mati hangus berpunca dari berlakunya dua letupan di pejabat itu. Bilakah ketentuan ini dapat dikeluarkan oleh pejabat tersebut dan apakah punca kebakarannya? Saya khuatir bahawa kejadian-kejadian yang seumpama ini kalau Kementerian Pertahanan tidak mengawasi bukan ini sahaja yang akan terjadi bahkan akan terjadi perkara-perkara yang lain. Ini satu perkara yang saya fikir serious dalam Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya sangat berterima kasih kepada pegawai-pegawai kakitangan Kerajaan yang telah menunjukkan kerjanya dengan baik bagi pembangunan negara ini, tetapi saya hendak memberitahu kepada Kerajaan, Kerajaan jangan berlembut sangat kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kakitangan Kerajaan terutama sekali CUEPACS. Baru-baru ini mereka telah memberi amaran kepada Kerajaan kiranya Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali tidak dikeluarkan dengan segera mereka akan mengambil tindakan. Ini satu perkara yang saya fikir merosakkan negara kita. Mereka menggugat Kerajaan, Kerajaan berlemah sangat. Adakan Suruhanjaya Aziz, Suffian, Sheikh Abdullah dan berbagai-bagai lagi akhirnya Suruhanjaya Ibrahim Ali. Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali yang hendak dikeluarkan oleh Kerajaan telah digugat oleh pihak kesatuan. Saya fikir kakitangan Kerajaan yang menyatakan perbuatan yang macam ini adalah dimarahi oleh rakyat. Mereka hendaklah sedar bahawa peruntukan

wang yang digunakan oleh negara ini rakyat yang membentuk Kerajaan. Rakyat yang membentuk Kerajaan. Kita tak mahu peruntukan negara ini 50% sudah diberikan kepada kakitangan Kerajaan, kita mahu diberi dengan seimbang—30%, yang lain kita hendak buat rancangan pembangunan, hendak menolong, hendak meninggikan taraf hidup rakyat dan kakitangan Kerajaan, saya harap, bukan yang ada dalam Majlis ini, supaya sedar dan bersama-sama bertanggungjawab kepada negaranya, janganlah menitikberatkan masalah kenaikan gaji seberapa banyak yang dikehendaki. Kita mesti sedar bahawa setengah-setengah negara jiran kita tanggungajinya adalah lebih rendah daripada kita dan rakyat di luar bandar mendapat satu bulan \$80 atau \$60.

Laporan Ekonomi Negara telah menyatakan 80% penduduk luarbandar adalah orang-orang Melayu yang mendapat \$80 tetapi kekitangan Kerajaan mendapat bermacam-macam kemudahan yang diberi oleh Kerajaan, hendak minta lagi, apa hendak jadi kepada negara kita. Saya khawatir bahawa kesatuan-kesatuan ini dihasut oleh anasir yang kurang baik dengan tujuan supaya mengukar-kacirkan ekonomi negara kita dan saya harap kalau Kerajaan sudah buat Laporan Ibrahim Ali, tunggu sampai 15 tahun, sampai 15 tahun kelak baru kita buat satu laporan lain. Jangan baru 3 tahun buat satu laporan, 2 tahun lagi satu laporan. Jadi kakitangan Kerajaan ini manja sangat dengan Kerajaan Barisan Nasional, itulah sebabnya mereka berbuat demikian. Ini saya beritahu dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pelajaran, saya tak hendak sentuh banyak, tetapi kenapa Kementerian ini tidak mahu membina sekolah-sekolah yang buruk, yang rosak di luarbandar sebanyak 2,400 buah tertinggal. Sekolah ini bocor, hendak roboh, kenapa Kementerian tak sedar dan tak mahu membina sekolah-sekolah di luarbandar yang semacam ini? Saya harap pada masa yang akan datang peruntukan yang ada ini diberikan tambahan-tambahan wang kerana membaiki tandas, atap dan tangga sekolah-sekolah di luarbandar. Ini ratapan rakyat di luarbandar. Ada lagi satu perkembangan yang baru dalam pelajaran, kenapa banyak anak-anak daripada sekolah jenis kebangsaan, (saya sebut sekolah China) mereka tak mahu masuk sekolah Inggeris, mereka masuk sekolah bahasa ibunda

mereka. Ini satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kerajaan sebab dasar kita dengan tujuan bahasa inilah akan dapat menyatupadukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya hendak hormatkan Dewan ini, pertama sekali saya hendak berkatikan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana tadi sudah banyak diceritakan oleh kawan-kawan saya. Saya cuba hendak memberitahu Kerajaan bahawa kegiatan kominis dalam negeri ini tidak akan berhenti samada mereka menjalankan kegiatan dengan militan ataupun dengan kegiatan-kegiatan yang lain, tujuannya tak berhenti. Yang saya dukacita bahawa ada warganegara kita, yang memberi kerjasama dan sokongan kepada mereka itu dan kita telah beri kerakyatan kepada mereka. Bukan sahaja itu yang mereka buat, mereka juga bersama-sama dalam kegiatan menyeludupkan senjata, menyeludupkan dadah malahan dadah ini banyak diedarkan kepada orang Melayu.

Yang kedua, dalam masalah mereka menyeludupkan beras, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun ada di sini. Waktu beras di pasaran dunia mahal, beras di Malaysia ini diseludupkan ke luar negeri, waktu beras di pasaran Malaysia ini mahal, beras luar negeri dimasukkan ke dalam negeri. Penyeludup-penyeludup ini, tetapi daripada warganegara kita sendiri yang memberikan kerjasama kepada kuasa-kuasa luar itu. Apa yang saya harap kepada Yang Berhormat Peguam Negara kita bahawa peruntukan yang ada ini hendaklah dikaji semula dalam Perlembagaan kita berhubung dengan kerakyatan, iaitu kerakyatan mereka yang berbuat demikian yang menjadi musuh negara ini, pada fikiran saya patut ditarik balik dan harta kekayaannya hasil dari penyeludupan ini patut dirampas. Ini satu pengajaran kepada mereka, sebab mereka ini kalau sah dan nyata bolehlah dikatakan mereka itu pengkhianat kepada negara kita. Selagi kita tidak buat begini selama itu kejadian ini akan berlanjutan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak cakup berkenaan pertanian barangkali tidak sedap sebab saya datang dari kampung. Ada satu perkembangan baharu berkenaan Kementerian Pertanian ini berhubung dengan hendak melaksanakan Lembaga Pertubuhan Peladang, sekarang hendak dijadikan Koperasi Peladang. Sekarang perkara ini

menjadi satu kerusingan kepada peladang-peladang kita yang telah menjadi ahli—Persatuan Peladang. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah merasmikan Koperatif Peladang di kawasan Ladang Gerisik telah dipulaukan oleh Pegawai-pegawai Pembantu Pertanian yang bekerja di tempat itu oleh sebab mereka tidak mahu kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang. Mereka keluar kerana mereka tidak mahu kerjasama dan sehingga sekarang banyak Pembantu-pembantu Pertanian tidak mahu kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang. Hal yang macam ini puncanya saya tahu menurut hemmah saya kesilapannya daripada Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Kementerian yang berkenaan agak saya, oleh sebab mereka tidak menghormati Kerajaan Negeri itu, sebab Pembantu Pertanian itu di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Mereka tidak mahu berunding tidak mahu kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak mahu melepaskan pegawainya, dia ada hak. Dengan keadaan yang semacam ini segala usaha-usaha yang dibuat kerana peladang ini gagal. Banyak yunit-yunit peladang kita hendak menarik diri daripada menjadi ahli dan hendak menarik saham. Maka kejadian yang semacam ini patut diperhatikan oleh Kementerian, bukan hendak memberi kebajikan kepada petani-petani kita, bahkan hendak mendatangkan perpecahan. Walhal kalau kita bekerjasama dengan Kerajaan Negeri meminta Pembantu Pertanian dalam negeri itu, saya dengar Negeri Pahang telah beri lampu hijau boleh gunakan pegawai-pegawainya dalam Lembaga Pertubuhan Peladang. Tetapi setengah-setengah Kerajaan Negeri tidak mahu, mereka berkata Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang ini tidak mahu bekerjasama dan menghormati mereka bila masuk negeri mereka. Kuasa otonomi pada satu-satu negeri patut dihormati oleh Kerajaan Pusat kalau hendakkan kemajuan dalam negara kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila singkatkan ucapan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini kena orang yang a'asabah. A'asabah ini ada kalanya dia dapat masa pendek, kadang-kalanya dia dapat masa panjang. Jadi, saya dapat masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perdagangan dan perindustrian bagi pihak peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah mengecualikan cukai pendaftaran perniagaan, kalau tidak satu perkara yang berat kepada mereka. Ini tahniah yang diberi oleh 70,000 penjaja-penjaja bumiputra dalam tanahair kita ini. Ini satu kerja yang sangat baik. Kalau hendak tengok bumiputra boleh berniaga, boleh berlatih berniaga tetapi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, minta singkatkan ucapan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya nampak satu perkara patut Kementerian ini kaji semula bahawa penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil bumiputra itu pada masa sekarang diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, itu tidak betul. Kalau menurut hemmah saya diletakkan dari sekarang di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, baru cukup. Sebab Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ini sebek sangat. Perniagaan yang kecil dia hendak campur juga. Saya harap Yang Amat Perdana Menteri tolong tengokkan supaya peniaga-peniaga kecil ini diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tidak seperti sekarang di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa ada lagi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk, tidak ada masa lagi. Masa sudah habis, sila singkatkan ucapan Datuk.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak singkatkan ucapan saya.

Dalam masaalah luar negeri saya menarik perhatian, terutama sekali dalam keluarga ASEAN, saya ucapkan terima kasih, barangkali ada kerjasama daripada Malaysia berhubung dengan negara-negara ASEAN ini iaitu President Filipina, Mr Marcos, telah mengubah fikirannya mahu memberi kuasa otonomi kepada umat-umat Islam di negerinya. Ini saya ucapkan tahniah dan syabas perbuatan Mr Marcos itu dan juga kami mahu negara ASEAN yang lain seperti

Singapura dan Thailand mengikut langkah yang dibuat oleh Filipina mahu memberi kuasa otonomi kepada umat-umat Islam dalam negerinya.

Selain daripada itu dalam ASEAN. ASEAN kena kaji balik

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk, saya minta Datuk sila ambil tempat duduk dan beri peluang kepada Ahli-ahli yang lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

6.26 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap sepatah dua di Dewan yang mulia ini. Saya juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1973, 1974 dan 1975 ini. Mula-mula sekali suka saya menyentuh bersangkut dengan Tambahan Peruntukan ini yang mana kita tahu untuk memajukan ataupun memudahkan Kementerian-kementerian atau Badan-badan Berkanun bergerak dengan lebih cergas lagi. Tetapi di dalam usah-usaha ini sebagaimana yang kita termaklum ada juga daripada Kementerian-kementerian yang tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya, oleh sebab bukan kesalahan daripada mana-mana pihak, tetapi kerana kekurangan kakitangan di dalam jabatan-jabatan atau dalam Kementerian itu.

Yang pertama, saya suka menyentuh di Kementerian Pengangkutan di mana di dalam Kementerian ini boleh dikatakan banyak kerja-kerja yang akan dijalankan atau diproseskan bersangkut dengan pengangkutan, yang bersangkut dengan rakyat. Sungguhpun di dalam Kementerian Pengangkutan ini boleh dikatakan ada jabatan-jabatan di tiap-tiap buah negeri, tetapi ada perkara-perkara yang tidak dapat dijalankan di dalam Jabatan-jabatan di dalam negeri itu seperti mana permohonan-permohonan kereta teksi ataupun lori yang mana permohonan-permohonan ini akan dihantar terus kepada Kementerian, maka dengan keadaan yang ada pada hari ini di Kementerian Pengangkutan boleh dikatakan kekurangan kakitangan, disebabkan itulah maka banyak permohonan-permohonan ini lambat mendapat jawapan dan keputusan.

Sepertimana kita tahu bahawa Kementerian Pengangkutan ini baru-baru ini telahpun diubah Kementerian ini daripada Jalan Gurney ke Jalan Tun Ismail, dan dengan perubahan ini juga sungguh mendukacitakan kita kerana Kementerian ini masih ada dalam kedua tempat itu. Jadi permohonan-permohonan yang telah disampaikan bukan sahaja untuk di satu-satu negeri bahkan di Kementerian ini seluruh Malaysia permohonan disampaikan sepertimana yang saya sebut tadi. Jadi dengan ada dua tempat yang begitu jauh tentulah banyak masaalah-masaalah yang tidak dapat dijalankan. Dengan itu kita berharap dengan secepat mungkin Kementerian ini akan dapat diletakkan di satu tempat dan menambah kakitangan. Dengan cara yang begitu saya percayalah bahawa permohonan-permohonan yang disampaikan oleh rakyat di seluruh Malaysia ini akan dapat dijalankan oleh Kementerian ini dengan licin.

Dengan kelambatan ini juga barangkali boleh membangkitkan beberapa masaalah iaitu setengah-setengah permohonan memakan masa sampai tujuh, lapan bulan atau setahun baru mendapat keputusan-keputusannya. Maka kadang-kadang satu perkongsian atau badan-badan perseorangan yang memohon satu-satu permit seperti lori ataupun kereta teksi setelah syarikat itu menjalankan lain-lain projek ataupun orang-orang perseorangan telah menjalankan lain-lain kerja, maka baru permit itu dikeluarkan, maka berbagai-bagailah terjadi kepada permit-permit yang didapati itu dengan cara pajak atau lain-lain cara kerana syarikat itu ataupun orang-orang perseorangan itu telah mendapat lain pekerjaan.

Dan selain daripada itu, saya mendapat tahu juga bahawa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

PERUNTUKAN RUMAH/KEDAI PERNIAGAAN KEPADA BUMIPUTRA

6.30 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Penanguhan saya ialah di bawah tajuk Kerjasama swasta dan Persendirian dengan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam peruntukan rumah dan rumah kedai perniagaan dalam bandar terutama pembahagian bumiputra.

Perkara ini telah tidak menjadi rahsia lagi di mana ada pihak-pihak persendirian mendirikan rumah tempat duduk atau rumah untuk perniagaan mereka tidak memberi langsung peluang ini kepada bumiputra untuk mendapatkan tapak bagi perniagaan dan pinjaman, walaupun ada juga setengah-setengah syarikat atau persendirian membuat pelawaan bagi membeli rumah yang sudah disediakan tetapi amat malang sekali yang dibuat dan disediakan itu harganya tidak berpatutan sekali kepada pihak yang ingin membeli. Ada satu contoh ringkas dapat saya bayangkan seperti di Pulau Pinang. Kita selalu mendengar bahawa laungan khusus untuk disediakan bagi bumiputra tetapi apa yang menjadi kesedihan kepada kita, bumiputra ini tidak dapat tempat langsung, bukan kita tidak mahu menerima pelawaan ini tetapi harga-harga yang tidak sewajarnya telah dibentangkan kepada pihak-pihak yang ingin mempunyai rumah kediaman atau tapak perniagaan untuk disewakan.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pihak swasta yang mempunyai bangunan-bangunan perniagaan ataupun ruang-ruang niaga adalah bekerjasama dengan Kerajaan di dalam memberi peluang kepada bumiputra untuk mendapatkan tapak bagi kediaman ataupun ruang niaga. Hanya sebilangan kecil sahaja yang belum lagi mengikut dasar Kerajaan. Namun demikian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telahpun mengambil tindakan bagi mencapai matlamat ini. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa usaha-usaha akan

terus dibuat atau diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi menentukan bahawa kerjasama pihak swasta di dalam hal ini akan selalu baik dan memuaskan. Masalah harga adalah masalah yang terpaksa dihadapi oleh pembeli-pembeli terutama pada akhir-akhir ini disebabkan kenaikan harga barang-barang, maka masalah pembinaan perumahan atau ruang kedai ini telahpun naik harganya. Namun demikian, ada perundingan-perundingan yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu setelah adanya rayuan-rayuan daripada pihak yang berkenaan, maka setengah-setengah daripada perumahan atau rancangan perumahan ataupun pekedai telah dapat dikurangkan bagi kepentingan kaum bumiputra.

Selain daripada itu untuk menentukan bahawa penyertaan bumiputra dalam segi perniagaan dan juga perusahaan, terutama di kawasan bandar mencapai matlamat Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telahpun menubuhkan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan Perbadanan-perbadanan Pembangunan Bandar. Semenjak tertubuhnya Perbadanan-perbadanan tersebut maka Perbadanan-perbadanan ini telahpun menjalankan rancangan bagi tujuan mendapatkan ruang-ruang niaga serta pembangunan-pembangunan perniagaan dan juga perumahan-perumahan di kawasan bandar melalui beberapa rancangan, terutama melalui rancangan kilat iaitu sekim belian sewaan dan sewa-beli ruang-ruang niaga. Perbadanan-perbadanan ini juga sedang menjalankan rancangan-rancangan pembinaan bangunan-bangunan perniagaan.

Bagi memesatkan lagi pelaksanaan matlamat Kerajaan maka UDA telahpun berhubung dengan beberapa Kerajaan Negeri untuk membantu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dengan cara usaha-bersama dalam segi pembinaan ruang-ruang niaga dan juga bangunan-bangunan perniagaan serta juga perumahan di atas tapak-tapak tanah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Kebiasaannya harga tanah yang dikenakan bagi tujuan tersebut adalah lebih rendah daripada harga tanah-tanah kepunyaan persendirian ataupun swasta. Oleh itu, ruang-ruang niaga dan bangunan-bangunan perniagaan yang dibina di atas tapak-tapak ini akan menjadi lebih murah daripada pembinaan yang dibina di atas tanah-tanah

swasta ataupun persendirian. Dan diharapkan dengan rancangan-rancangan yang sedang dan akan dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan yang saya sebutkan tadi, maka masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita atasi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.